


**Jilid I
Bil. 28**



**Hari Jumaat
13hb Julai, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2753]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 2789]

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 2809]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

Yang Berhormat PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., (Dilantik).

- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ DATO' V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

„ DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).

„ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

„ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

„ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).

„ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

„ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

„ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 13hb Julai, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEPTEN KAPAL PERDAGANGAN
ANTARABANGSA—PERLANTIKAN
BUMIPUTRA

1. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Bumiputra yang telah dilantik sebagai kepten kapal perdagangan antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita tidak mempunyai sebarang rekod berhubung dengan bilangan Bumiputra yang telah dilantik sebagai nakhoda (kepten) kapal perdagangan antarabangsa. Tetapi jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai bilangan bumiputra yang dilantik sebagai nakhoda kapal Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), ingin dimaklumkan di sini bahawa 2 orang Bumiputra telah dilantik oleh Perbadanan Perkapalan tersebut sebagai nakhoda tidak berapa lama dahulu. Walau bagaimanapun mereka kedua telah dipindahkan untuk berkhidmat di Ibu Pejabat sebagai Pengurus "Fleet Operations" dan Pengurus "Operations LNG". Ini memandangkan kepada kepentingan pengurusan Perbadanan sendiri.

KETUA JABATAN—KUASA
MEMBELANJAKAN WANG

2. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada perbendaharaan boleh membuat peraturan-peraturan

yang membolehkan Ketua-ketua Jabatan membelanjakan wang untuk membetulkan kerosakan, mendapatkan bekalan dan lain-lain untuk jabatannya untuk mengelakkan ke-lambatan.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, tindakan sedang diambil oleh Kementerian Kewangan sekarang ini untuk mengeluarkan satu surat pekelilingan pentadbiran untuk membolehkan Ketua-ketua Jabatan membelanjakan tidak lebih daripada \$5,000 satu kali untuk memperbaiki kerosakan dan lain-lain kerja-kerja kecil yang diperlukan dan dilaksanakan secara serta-merta untuk mengelakkan kelambatan bila kerja-kerja seperti ini dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Berkenaan dengan bekalan pula, pihak Ketua-ketua Jabatan adalah diberi kuasa di bawah Arahan Perbendaharaan untuk membuat pembelian bila harga bekalan adalah kurang daripada \$25,000 tanpa mengadakan apa-apa sebutharga. Bagi bekalan lain, Ketua-ketua Jabatan cuma perlu mengeluarkan Pesanan Tempatan bagi bekalan-bekalan yang disalur dan diperolehi melalui Kontrek Pusat.

LAPANGAN TERBANG IPOH—
MEMPERBAIKI KEMUDAHAN

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan bercadang memperbaiki kemudahan-kemudahan di Lapangan terbang Ipoh.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang di dalam proses hendak melantik perunding yang akan menyediakan pelan untuk beberapa Lapangan terbang termasuk lapangan terbang Ipoh. Berasaskan kepada laporan perunding tersebut Kerajaan akan memutuskan sama ada

hendak memajukan Lapanganterbang Ipoh yang ada sekarang atau hendak membina Lapanganterbang yang baru untuk Ipoh.

RUKUN TETANGGA— PEWARTAAN SEKTOR

4. Dato' V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab terdapat tempat-tempat yang diwartakan untuk tugas-tugas Rukun Tetangga dan penduduk-penduduk yang gagal menjalankan tugas itu didakwa di mahkamah pada hal ada pula tempat-tempat lain yang tidak diwartakan untuk maksud itu dan ini telah menimbulkan diskriminasi dan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai beberapa keutamaan tertentu bagi menimbang pewartaan sesuatu sektor Rukun Tetangga bagi sesuatu kawasan itu. Keutamaan-keutamaan itu adalah seperti berikut:

- I. Melawat kawasan-kawasan yang terdapat atau disyaki ada aktiviti-aktiviti komunis, subversif, dan anti-nasional seperti kawasan-kawasan kampung baru.
- II. Meliputi kawasan-kawasan yang terdapat atau disyaki banyak jenayah-jenayah, kubu-kubu kongsi gelap, gangster, dadah, pelacuran dan rumah urut haram.
- III. Meliputi kawasan-kawasan yang sensitif dari segi perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada keutamaan-keutamaan yang disebutkan itu maka sesuatu sektor itu diwartakan.

Pendakwaan akan dibuat kepada mereka yang benar-benar engkar dan terus berdegil dan telah berulang-kali tidak hadir bagi menjalankan tugas serta tidak menghiraukan segala amaran yang telah diberikan kepadanya.

Walau bagaimanapun, bilangan mereka ini sebenarnya adalah kecil sekali jika dibandingkan dengan mereka yang benar-benar jujur dan ikhlas menjalankan tanggungjawab Rukun Tetangga tersebut. Oleh itu, perasaan tidak puashati dan diskriminasi sepatutnya tidaklah berbangkit dalam hal ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Kata-lah di Petaling Jaya ada 2-3 seksyen diadakan Rukun Tetangga tetapi yang lain tak ada, dikatakan tak ada orang Melayu, orang India, orang Cina di kawasan itu semuanya ada—kalau katakan sensitif semuanya sensitif, kalau katakan tak ada sensitif, semuanya tak ada sensitif di kawasan itu—sebab tempat itu bergaul sahaja. Apa sebabnya ada kawasan diadakan Rukun Tetangga, setengah kawasan tidak, jadi kalau orang itu tak datang dibawa ke Court.

Baru-baru ini kita dengar ada orang-orang telah dibawa ke Court. Apa yang kita hendakkan sama ada boleh atau tidak jangan dijalankan hukuman ke atas mereka oleh kerana belum lagi efektif ke seluruh negara. Buat apa satu dua orang dibawa ke Court, dia yang kena, yang lain semua tidak berjaga malam—tak tahu keadaan ini. Bolehkah dibuat begitu? Siapa suka sahajalah ataupun diupah seorang lain. Ini tak boleh, kita mesti pergi juga; kita boleh upah orang lain suruh dia pergi jaga. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah ucapkan tadi dalam jawapan saya iaitu saya telah bayangkan kawasan-kawasan yang nampaknya mustahak sangat priority should be given untuk diadakan Rukun Tetangga di situ tetapi walau bagaimanapun, apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu dari segi undang-undang kita tidak dapatlah hendak memilih orang bila dia sudah menjadi ahli dan didaftar Rukun Tetangga untuk digantikan dengan orang lain, ini dari segi kesulitan undang-undang yang kita hendak laksanakan. Sebab mungkin barangkali dalam orang yang menggantikan itu melakukan satu kesalahan tidak patutlah kita menjalankan hukuman atas orang yang menggantikan orang lain, jadi itu tidak ada keadilan.

Saya berterima kasih atas pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu; soal mengemaskan lagi Rukun Tetangga ini akan dapat dijalankan.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah ada rancangan atau cadangan daripada pihak Kerajaan sekiranya didapati satu-satu kawasan yang mustahak dan perlu untuk diadakan Rukun Tetangga?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang begitulah kalau ada kawasan-kawasan.

PASUKAN POLIS RONDA

5. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pasukan Polis Ronda telah ditambah untuk mengawal ketenteraman memandangkan selalu berlakunya kemalangan jalanraya dan rompakan pada masa ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini proses pembesaran pasukan Polis sedang berjalan dengan pesatnya dan dalam proses pembesaran ini maka sudah tentulah perhatian akan diberi kepada pembesaran yunit-yunit tertentu dan juga penubuhan yunit-yunit baru dalam pasukan Polis dengan tujuan untuk menghadapi segala ancaman dan cabaran hasil perkembangan dan jaminan masyarakat serta juga pertumbuhan penduduk. Maka dalam proses ini juga tindakan telah diambil bagi menambah keanggotaan pasukan Polis untuk tugas meronda dan penambahan selanjutnya akan ditimbang dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Untuk makluman, pada masa ini terdapat sebanyak 32 kereta-kereta Peronda Lebuhraya yang ada dibahagikan kepada tiap-tiap negeri dan cadangan telahpun dibuat untuk menambah lagi bilangan kereta-kereta Peronda Lebuhraya ini sehingga kepada 37 buah pada tahun ini juga.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Yang pertama, adakah Kerajaan berancang Polis Ronda ini akan diadakan pada keseluruhan negara kerana pada pandangan orang ramai ini sangat-sangat mustahak diadakan boleh dapat mengelakkan daripada kemalangan dan juga kecelakaan.

Yang kedua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya cuma bertanya di sini, apa langkah pihak Kementerian ini akan diambil untuk membaiki kereta-kereta Polis. Kebanyakan kereta ronda yang ada sekarang ini kereta-kereta buruk, jadi hendak menjejaskan perompak dan sebagai-

nya rasa saya payah dapat. Jadi apa langkah yang dibuat oleh Kementerian dalam perkara ini.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan tadi sememangnya bahawa kereta-kereta peronda ini diletakkan di seluruh negara, iaitu di tiap-tiap negeri. Umpamanya daripada 32 buah Kereta Peronda Lebuhraya yang saya sebutkan tadi sebanyak 3 buah diletakkan di negeri Kedah, 2 di Pulau Pinang, 5 di Perak, 3 di Selangor, 1 di Wilayah Persekutuan, 3 di Negeri Sembilan, 1 di Melaka, 5 di Johor, 3 di Pahang, 1 di Trengganu, 1 di Kota Bharu, 1 di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, 1 di Sarawak dan juga 1 di Sabah. Sebagaimana yang saya terangkan lagi kita akan menambah dari satu masa ke satu masa setelah persetujuan didapati untuk kebenaran memberi tambahan kereta-kereta peronda itu.

Begitulah juga bagi jawapan Ahli Yang Berhormat yang kedua itu, maka langkah-langkah sentiasa diambil bagi membaharui kereta-kereta peronda dan kereta-kereta Polis yang lama kepada yang baru.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memuaskan. Mengapakah di Pulau Pinang dan tempat-tempat yang lain satu atau dua kereta peronda, sebab di Pulau Pinang ini banyak sangat perompak. Jadi patutlah diambil tindakan lebih lagi bila mana berlaku rompakan, maka perompak itu tidak pernah dapat ditangkap.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, kereta peronda ini tumpuannya adalah kepada perkara-perkara lalulintas seperti trafik dan kita rasa di Pulau Pinang tidaklah begitu panjang jalannya jika dibandingkan dengan yang lain-lain. Walau bagaimanapun sememangnya juga dari segi peronda ini memberi perhatian kepada perkara-perkara jenayah. Sebagaimana yang telah saya terangkan tadi dalam proses pembesaran pasukan Polis ini maka kita akan menambah anggotanya kepada semua pihak.

PUSAT PENUKARAN WANG

6. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan pusat-pusat penukaran wang yang tetap di Johor Bharu dan Padang Besar kerana kedua-dua bandar ini merupakan pintu masuk ke Malaysia; jika ya, adakah Kementerian Kewangan bersedia mengelolakan soal pertukaran wang ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini terdapat 13 buah Pejabat Bank dan 10 buah pengurup wang berlesen di Johor Bharu dan 2 buah pengurup wang berlesen di Padang Besar. Tidak ada Pejabat Bank di Padang Besar kerana perkhidmatan daripada 2 buah pengurup wang berlesen di situ adalah mencukupi bagi keperluan di Padang Besar. Tidak ada sebarang permohonan untuk menubuhkan Pejabat Bank di Padang Besar. Kerajaan sedar tentang pentingnya menyediakan kemudahan-kemudahan penukaran wang yang mencukupi di setiap pintu masuk ke Malaysia dan Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan untuk menjalankan perniagaan penukaran wang di pintu-pintu masuk ke Malaysia sekiranya kemudahan-kemudahan tersebut yang ada sekarang ini didapati tidak mencukupi. Adalah tidak perlu bagi Kerajaan menubuhkan pusat-pusat penukaran wang yang tetap kerana kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh bank-bank perdagangan dan juga pengurup-pengurup wang berlesen adalah ternyata mencukupi.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan terutama sekali di Johor Bahru. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang hendak menubuhkan satu pusat penukaran wang di Kompleks Kastam kerana Johor Bahru ini ada berlainan daripada yang lain, rakyat jelata pergi dengan bas. Kalau hendak pergi ke bank-bank yang berkenaan, ada 13 bank kata tadi, ini bukan orang ramai yang berpendapatan rendah hendak menukar wang, begitu susah. Jadi saya berharap kepada Timbalan Menteri dapat menukarkan supaya di Kompleks Kastam itu sama ada Bank Negara ataupun private bank yang kita turun

daripada bas sudah boleh tukar duit pergi dan balik. Ini yang diharapkan dapat diambil tindakan oleh Kerajaan kalau ada rancangan yang besar.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan diambil perhatian.

PELURU UNTUK ANGKATAN TENTERA

7. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa negara kita masih membeli peluru senapang dari luar negeri, jika sedar nyatakan sama ada terdapat rancangan untuk mendirikan kilang peluru senapang di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang insaf dan sedar bahawa kita masih lagi banyak membeli peluru daripada negara luar. Walau bagaimanapun, kita mempunyai satu industri sendiri yang dipunyai oleh Kerajaan 100% yang dipanggil Malex dan sekarang mengeluarkan peluru yang di dalam rancangan Kerajaan bahawa perindustrian ini akan dilipat gandakan pengeluarannya untuk kegunaan kita.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Pulau Singapura kecil, saya dapat tahu Pulau Singapura telah mengeluarkan peluru yang begitu banyak.

Yang kedua, kilang peluru Malex kalau saya tidak salah cuma mengeluarkan peluru pistol sahaja. Dengan sebab itu, ada atau tidak rancangan yang tepat bila faktori atau kilang peluru ini akan ditubuhkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak benar yang Malex ini hanya mengeluarkan peluru pistol, tidak benar sama sekali. Yang sebenarnya, kita mengeluarkan peluru yang digunakan oleh tentera kita dan memang ada rancangan untuk melipatgandakan lagi bilangan dan perindustrian kita ini supaya kita ini boleh dikatakan self-sufficient, tetapi tidak boleh diharapkan bahawa kita akan self-sufficient dari semua peluru-peluru yang kita kehendaki.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan pembekalan peluru dapatkah atau tidak diperluaskan oleh Kerajaan selain daripada peluru-peluru yang ada kaitan dengan pasukan keselamatan iaitu penabur-penabur yang boleh diberi peluang kepada orang ramai membeli penabur daripada kilang di dalam negeri kita ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dalam rancangan Kerajaan pada masa ini untuk mendirikan atau mengizinkan badan-badan swasta atau Kerajaan sendiri untuk mengeluarkan peluru senapang patah, itu yang dimaksudkan tadi, hanya sekarang menunggu iaitu bagaimanakah caranya kita boleh mengadakan perindustrian ini sambil kita menjaga keselamatan.

PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH

8. Datuk Phua Cheng Leong (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk melengkapkan sekolah-sekolah dengan perpustakaan-perpustakaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah dari segi pembangunan dan tenaga mengurus yang diambil oleh Kementerian Pelajaran adalah seperti berikut:

- (a) Semua Sekolah Rendah dan Menengah ada diberi peruntukan wang tahunan untuk membeli buku-buku perpustakaan.
- (b) Bilik perpustakaan serta alat perabot perpustakaan ada disediakan untuk Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah yang baru dibina.
- (c) Sekolah-sekolah lama yang tidak ada bilik perpustakaan boleh membuat permohonan untuk mengadakannya.
- (d) Kursus-kursus dalam Perkhidmatan mengenai ilmu perpustakaan sekolah telah dan sedang dijalankan untuk memberi latihan kepada guru-guru perpustakaan.

PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

9. Tuan Yap Peng bertanya kepada Menteri Pelajaran jumlah peruntukan setahun bagi Perpustakaan di Sekolah-sekolah Rendah dan

Menengah dan sama ada beliau berpuashati dengan jumlah peruntukan itu.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi keperluan Perpustakaan adalah tidak tetap tiap-tiap tahun. Pemberian yang diberi bagi keperluan ini adalah berbeza dari tahun ke tahun iaitu berpandukan bilangan murid pada tahun-tahun yang berkenaan. Ini adalah disebabkan pemberian bagi keperluan Perpustakaan ini diberi berdasarkan kepada bilangan murid pada tiap-tiap sebuah sekolah. Untuk makluman Dewan bagi tahun 1978 peruntukan Perpustakaan untuk Sekolah-sekolah Rendah ialah \$3 juta dan untuk Sekolah-sekolah Menengah ialah \$1.4 juta. Bagi tahun 1979 pula, peruntukan untuk Sekolah-sekolah Rendah ialah \$2.55 juta dan untuk Sekolah Menengah pula ialah \$1.5 juta.

Dari segi kadar bantuan, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara ini berpandukan kepada kenaikan harga barang-barang terutamanya buku-buku. Walau bagaimanapun setakat ini Kementerian Pelajaran adalah berpuashati dengan pemberian ini disebabkan pada tiap-tiap tahun kebelakangan ini tidak semua peruntukan yang telah diberi kepada sekolah-sekolah telah dibelanjakan. Walau bagaimanapun, selepas kajian dibuat, sekiranya pemberian ini perlu ditambah bagi tiap-tiap seorang murid maka Kementerian ini akan mengambil tindakan untuk memberi tambahan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Peruntukan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dapatkah Kementerian ini membenarkan sekiranya ada satu sumber yang lain untuk mengisi tabung perpustakaan di daerah-daerah itu daripada ahli dermawan ataupun buku-buku yang disalurkan kepada perpustakaan itu.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada bantuan-bantuan seperti ini disampaikan oleh penderma-penderma atau saluran yang lain, insya Allah kita terima.

BAYARAN 50 SEN DI HOSPITAL KERAJAAN

10. Puan Zawiah binti Abdullah (*di bawah S. O. 23 (2)*) bertanya kepada Menteri Kesihatan memandangkan bahawa tiap-tiap pesakit selain daripada kakitangan Kerajaan

yang mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan adalah dikenakan bayaran 50 sen seorang berapakah jumlah kutipan yang diperolehi bagi tahun 1978 dan tahun 1979 (sehingga akhir bulan Jun).

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan yang dipungut bagi bayaran 50 sen daripada pesakit-pesakit bukan kakitangan Kerajaan bagi tahun 1978 dan 1979 hingga akhir bulan Jun tahun ini ialah sebanyak \$2,074,840.

ISTERI AHLI-AHLI PARLIMEN KE LUAR NEGERI

11. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan serta membiayai isteri Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara turut bersama semasa suami mereka menghadiri mesyuarat-mesyuarat di luar negeri.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan yang dipakai sekarang hanya Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen sahaja yang dibenarkan membawa isteri dengan pembiayaan Kerajaan. Walaupun demikian kebenaran ini juga atas keadaan-keadaan tertentu. Kebiasaannya, jika seseorang Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen itu menghadiri sesuatu tugas rasmi di luar negeri dalam tempoh masa dua minggu atau lebih, ia dibenarkan membawa isteri. Terdapat juga negara-negara yang membuat jemputan itu, menjemput isteri bersama-sama dan dalam keadaan ini Kerajaan membiayai perbelanjaan itu. Selain daripada itu, jika undangan dibuat oleh negara-negara asing dan pada pandangan kita perlu dibawa isteri bersama-sama dan di mana perwakilan-perwakilan lain juga membawa isteri, maka Kerajaan akan membayar perbelanjaan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kemudahan yang diberikan iaitu diberi kebenaran Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri membawa isteri-isteri ke luar negeri.

Saya ingin tahu isteri yang mana yang diberikan kebenaran (*Ketawa*) sebab setengah-setengah Menteri ada mempunyai dua isteri. Isteri yang mana yang dapat itu (*Ketawa*).

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali isteri yang pertamalah (*Ketawa*) tetapi kalau sekiranya isteri yang pertama itu uzur, isteri nombor dua itu boleh menggantikannya (*Ketawa*).

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kedua-dua isteri itu meminta pergi sama boleh atau tidak diberikan kebenaran?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Dari segi undang-undang tidak boleh. Ini menjaga keselamatan dan harmoni (*Ketawa*).

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apa perlunya Menteri-menteri ini membawa isterinya ke luar negeri. Boleh pergi seorang sahaja apa salahnya. Ini berdua tambang menambang yang mesti dipakai cukup banyak. Apa keperluannya. Kalau Menteri boleh kami sebagai Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini jikalau misalnya keperluan kerana pekerjaan seperti pergi ke luar negeri terpaksa juga boleh supaya tidak ada beza membeza. Kalau tugas negara Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara ini dapat juga membawa isterinya ke luar negeri. Boleh atau tidak perkara itu ditimbang pada hari akan datang.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang ada menaifatnya jika dibawa isteri bersama melawat ke luar negeri kerana mungkin isteri itu boleh menolong dari segi mencatat nota-nota dan sebagainya (*Ketawa*). Dan yang kedua, apa yang saya sebut di sini mengikut amalan yang dipakai sekarang. Jadi kalau perlu isteri Ahli Yang Berhormat Senator pun boleh dibawa dengan syarat diminta permohonan dan kebenaran kepada Kerajaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri itu perempuan, suaminya pun boleh atau tidak dibawa? (*Ketawa*).

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin boleh ditimbang (*Ketawa*).

PENCEN BAGI BEKAS PERAJURIT

12. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan bekas perajurit yang menerima pencen mengikut kadar bayaran sebelum 1hb Januari 1976, jumlah bayaran terlibat dan samada Kerajaan bercadang untuk menimbangkan semula kadar pencen mereka supaya seimbang dengan keadaan sekarang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, bilangan bekas-bekas perajurit yang menerima pencen mengikut kadar bayaran sebelum 1hb Januari, 1976 adalah seramai 5,123 orang. Sementara jumlah bayaran yang terlibat (termasuk pencen dan elaun-elaun) adalah sebanyak \$1,023,351.04 sebulan atau \$12,280,212.48 setahun.

Kerajaan tidaklah bercadang untuk menimbang semula kadar pencen mereka yang bersara sebelum 1hb Januari 1976 ini kerana kumpulan pesara ini telahpun dibayar tambahan (top up) sebanyak 20% daripada pencen penuh yang mereka terima mulai daripada 1hb Julai, 1977. Bekas-bekas perajurit yang bersara sebelum 1hb Januari, 1976 ini sedang dibayar mengikut kadar baru yang saya sebutkan tadi.

JET TUDM—KORBAN AKIBAT TERHEMPAS

13. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan jet Tebuan Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah jatuh terhempas setakat ini, bilangan nyawa yang telah terkorban dan bilangan jet Tebuan yang masih tinggal.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bilangan jet Tebuan yang jatuh terhempas setakat ini ialah sebanyak 6 buah dan nyawa yang telah terkorban adalah 6 orang dan bilangan jet

yang masih tinggal dengan kita ialah 14 buah. Biarlah saya ceritakan sedikit hal ini iaitu:

Tarikh Jet Terhempas			Bilangan	Nyawa Terkorban
17-3-1975	1	—
16-3-1976	1	—
18-5-1978	1	2
23-1-1979	1	1
4-5-1979	1	1
18-5-1979	1	2

Jadi umur kapalterbang itu mengikut hisab kita boleh lagi kita pakai selama 15 tahun iaitu sehingga penghujung tahun 1980 dan kita sekarang mempunyai sebagaimana saya sebut tadi ada 14 buah dan pada masa ini kajian sedang dibuat, tetapi ada satu kenyataan yang boleh disebut di sini bahawa yang terhempas 6 buah tadi di dalam siasatan kita hanya satu sahaja yang boleh dikatakan akibat engineering atau technical error.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razal bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebab jet itu terhempas di Kuantan sahaja tidak di tempat lain. Adakah ini satu sabotaj di dalam bahagian kakitangannya sendiri atau orang luar atau terlampau terbuka, tak ada kawalan? Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kuantan ini adalah satu lapangan terbang untuk latihan untuk jenis jet Tebuan. Jet Tebuan ini adalah pesawat untuk latihan dan juga digunakan untuk perjuangan. Jadi oleh sebab digunakan tempat latihan itu di Kuantan maka sebab itulah semua kejadian itu di daerah berdekatan dengan Kuantan, bukan di dalam operasi sebab ini adalah pusat latihan jet di sana.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya oleh kerana sebelum berjuang lagi sudah jatuh 6 buah. Jadi saya hendak bertanya ini adakah sebabnya 6 yang jatuh itu, kemudian yang ada lagi 14 sudah diperiksa pesawat itu betul-betul, kerana ini membahayakan, sunguhpun ada yang jatuh tak mati, tetapi berapa banyak yang telah terkorban dan training

bagi seorang pilot mengambil masa yang cukup lama. Boleh atau tidak kapalterbang yang selebihnya itu jangan diterbangkan langsung menantikan kapalterbang yang baru.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kapalterbang itu dibeli pada tahun 1965 dan kejatuhan yang pertama ialah terjadi 10 tahun kemudian pada tahun 1975 dan pemeriksaan sekarang sedang dibuat. Mengikut edah nyawanya iaitu pada penghujung tahun 1980 baru sampai masanya yang kita tidak boleh menggunakan kapalterbang itu lagi atau sebelumnya sekiranya telah didapati bahawa ada kelemahan teknikal. Penyiasatan itu sedang dibuat, point selain daripada yang saya katakan tadi daripada 6 buah kapalterbang tadi hanya satu sahaja yang boleh dikatakan salah dari segi engineering. Jadi dari segi kapalterbang itu pada hemat engineers memang masih sihat baik lagi.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Mengikut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi dari 6 kemalangan itu satu sahaja yang mungkin berpunca dari technical error. Jadi tidakkah boleh jadi kemalangan 5 buah kapalterbang yang lain itu berpunca daripada salah cara latihan sebab berlakunya kemalangan itu dalam masa latihan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu nampaknya hendak menyalahkan cikgu. Kalau budak tak lulus peperiksaan, disalahkan cikgu, itu tak adil saya rasa.

HOSPITAL LADY TEMPLER— RAWATAN

14. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Hospital Lady Templer tidak banyak digunakan sejak tahun-tahun kebelakangan ini; jika sedar, nyatakan samada Kerajaan bercadang menjadikan Hospital tersebut sebagai Hospital Besar dengan tujuan menampung keperluan penduduk yang berpendapatan rendah di sekitar kawasananya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa

Hospital Lady Templer ialah sebuah institusi yang diuruskan oleh pihak swasta, yang pada mulanya ditubuhkan untuk merawat penyakit tibi. Dengan taraf kesihatan yang bertambah baik di negara ini pada amnya, kegunaan hospital ini untuk merawat penyakit tibi telahpun berkurangan dan ia sebaliknya memberi rawatan bagi lain-lain penyakit dada. Hospital ini masih digunakan untuk menjalankan pembedahan "thoracic" (chest surgery) di samping menjalankan pembedahan-pembedahan janung tertutup. Hospital-hospital Kerajaan juga menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang terdapat di sini untuk pembedahan-pembedahan seperti ini.

Sebuah wad telahpun dibuka di hospital ini untuk pesakit-pesakit yang dikenakan bayaran bagi rawatan pembedahan am dan kes-kes perubatan. Pada masa ini ada sejumlah 197 buah katil di hospital ini dan sungguhpun biasanya wad-wad percuma dan kelas ketiga yang dikenakan bayaran digunakannya oleh pesakit-pesakit yang berpendapatan rendah, penggunaan wad-wad persendirian yang dikenakan bayaran masih boleh diperluaskan lagi.

Walaupun hospital ini sekarang merupakan sebuah institusi swasta yang diuruskan oleh Lembaga Pengurus, Kementerian Kesihatan memberi sumbangan sebanyak \$726,637 terhadap perbelanjaan mengurus pada tahun 1978. Jumlah ini adalah kira-kira 36.3% dari perbelanjaan mengurus tersebut. Samada ianya akan dijadikan hospital Kerajaan ataupun tidak, akan hanya dapat ditentukan selepas perundingan penuh dan dengan persetujuan Lembaga Pengurus ini kelak.

DOA DALAM PERHIMPUNAN MURID-MURID DI SEKOLAH

15. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada murid-murid Sekolah Rendah dikehendaki ikut membaca doa dalam perhimpunan pagi di padang sekolah sebelum mereka masuk ke bilik darjah; jika ya, nyatakan siapa yang menyediakan doa-doa itu dan sama ada ini menjadi amalan di semua sekolah di Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid-murid di sekolah-sekolah

rendah tidak dikehendaki membaca doa dalam perhimpunan pagi sebelum mereka masuk ke bilik darjah, dan tidak ada peraturan mengenai perkara ini di sekolah-sekolah.

KILANG BATIK—BEKALAN KAIN PUTIH

16. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah yang sedang diatur bagi menjamin supaya lebih 200 buah kilang batik khususnya di negeri Kelantan tidak terancam dengan sebab kekurangan kain putih dan nyaiakan sama ada Syarikat Pematik Negeri Kelantan boleh dibenarkan mengimpot kain putih dari luar negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan di sini bahawa masalah kekurangan bekalan kain putih bukanlah satu keadaan yang berlaku sepanjang tahun. Masalah kekurangan ini adalah berlaku dari masa ke semasa dan bergantung banyak kepada kedudukan paras harga kain putih di pasaran dunia dan juga peralihan fesyen. Pada masa sekarang memang terdapat kekurangan bekalan kapas di pasaran dunia dan fakta ini dengan sendirinya telah menyebabkan kekurangan dan kenaikan harga kain putih seperti yang dialami sekarang. Di samping itu permintaan terhadap kain-kain putih adalah juga tertakluk kepada perubahan fesyen dan dengan demikian ada kalanya pengeluaran-pengeluaran tempatan tidak dapat membekalkan dengan sepecahnya jenis-jenis kain putih yang dikehendaki.

Bagi mengatasi perkara ini Kerajaan membenarkan pematik-pematik mengimpot kain yang tidak dapat dibekal oleh Syarikat KIMA melalui Syarikat Kerjasama seperti Syarikat Pematik Negeri Kelantan. Selain daripada ini, suka saya menyatakan bahawa Syarikat KIMA telah diberi kelulusan oleh Kementerian saya untuk menambah lagi keupayaannya dalam pengeluaran kain-kain putih bagi pasaran tempatan. Namun demikian syarikat KIMA telahpun diberi kelulusan untuk membesarkan keupayaan tidak lama lagi. Di dalam keadaan kekurangan ini pematik-pematik melalui Syarikat Kerjasama Serbaguna Pematik Kelantan Berhad di negeri Kelantan dan Syarikat Bekalan

Pematik Sdn. Berhad di Trengganu dibenarkan oleh Kementerian saya mengimpot keperluan mereka setelah mereka mendapat kepastian bahawa KIMA tidak berkeupayaan menampung keperluan mereka. Di samping itu pematik-pematik melalui persatuan-persatuan mereka dibenarkan mengimpot kain-kain putih yang tidak dikeluarkan oleh KIMA, seperti kain-kain jenis Cotton Shirting, Cambric dan Lawn yang berukuran lebih dari 50 inci.

Pematik-pematik dibenarkan mengimpot tanpa dikenakan cukai impot sebanyak 35% atau 42 sen meter persegi yang mana yang lebih tinggi. Tetapi pematik-pematik dikehendaki membayar cukai tokok (surtax) sebanyak 5%. Kemudahan ini tidak diberikan oleh pengimpot-pengimpot yang lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi telah menyebutkan bersabit dengan kekurangan kain kapas di negeri ini ialah masalah kekurangan kapas di dunia. Soalan tambahan saya ini ialah, dalam lawatan Menteri keluar negeri, ada atau tidak dipelawa pelabur-pelabur asing supaya mengadakan kilang kapas dalam negeri ini dan membuat penanaman kapas yang berleluasa.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ada.

MINUMAN SAMSU HARAM— MANGSA-MANGSA

17. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang mati akibat meminum samsu haram setakat ini dan jenis-jenis bantuan yang diberi kepada kaum keluarga mangsa-mangsa itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mereka yang terkorban akibat minuman samsu haram ialah sebanyak 40 orang.

Mengenai bantuan kepada keluarga mangsa-mangsa samsu haram ini, ini adalah diuruskan oleh Kementerian Kebajikan Am. Walau bagaimanapun, saya difahamkan pada umumnya bukanlah menjadi satu dasar Kementerian Kebajikan bagi membantu

keluarga-keluarga yang mana ada di antaranya mati akibat daripada minum samsu haram, melainkan jika kematian itu benar-benar telah menutup mata pencarian keluarga tersebut. Namun demikian, bantuan jika diberi adalah lebih merupakan soal peri kemanusiaan daripada kewajipan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan mangsa samsu haram yang telah maut sebanyak 40 orang, kalau tidak salah ingatan saya, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, dalam 40 orang ini, ada atau tidak daripada kaum-kaum lain yang terlibat dalam masalah ini, atau hanya satu kaum sahaja.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan yang ada pada saya, tidak ada daripada kaum-kaum lain hanya kaum India sahaja.

PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH BERASRAMA PENUH

18. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pelajaran ialah salah satu alat untuk memupuk perpaduan negara, sama ada Kerajaan akan menempatkan pelajar-pelajar berbagai kaum di sekolah-sekolah berasrama penuh sebagai satu langkah mengeluarkan warganegara yang lebih toleransi dan bersefahaman.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah Berasrama Penuh yang ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran adalah untuk memberi peluang terutamanya kepada pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar untuk mendapat kemudahan-kemudahan pembelajaran yang selesa dengan kemudahan-kemudahan seperti terdapat di sekolah-sekolah di bandar-bandar besar dalam negeri ini.

Sekolah-sekolah ini memang menitikberatkan perpaduan negara. Oleh itu dalam aktibiti-aktibitinya, prinsip-prinsip toleransi dan bersefahaman di antara kaum dan di antara pelajar-pelajar dari berbagai peringkat adalah diutamakan.

MINUMAN DALAM BOTOL YANG MEMBAHAYAKAN

19. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar bahawa minuman-minuman dalam botol seperti sarsi, orange dan lain-lain yang telah lama dan rosak telah dilonggok ke sekolah untuk dijual kepada murid oleh setengah-setengah taukeh yang tidak bertanggungjawab; jika sedar, nyatakan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memanglah mengambil berat memastikan bahawa penjualan minuman-minuman dalam botol ini tidak akan membahayakan kesihatan. Pemeriksaan terhadap sekolah-sekolah telahpun dijalankan dari masa kesemasa bagi tujuan ini.

Walaupun demikian, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat tentu faham Kementerian Kesihatan tidaklah dapat menjalankan pemeriksaan terhadap sekolah-sekolah ini pada setiap masa. Apabila penjualan minuman-minuman ini disyaki dari stok yang lama, saya yakin bahawa pengetua-pengetua sekolah dan ibubapa-ibubapa yang berkenaan akan jua mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mencegah penjualan ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang bertanggungjawab membuat peraturan seperti di lain-lain negeri di mana makanan atau minuman yang ada masanya ia tidak boleh dijual lagi, misalnya daripada 1hb Januari 1976 hingga 1hb Januari 1977 ianya tak boleh dijual lagi; di chop dekat botol atau pun tin itu, adakah boleh atau tidak yang perkara itu dijalankan di sini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kementerian saya sekarang ini mengkaji peraturan baru yang akan dikeluarkan itu dan ada kemungkinan yang ianya boleh di chop atas tin makanan itu seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

AIR DI BAWAH TANAH—SUMBER

20. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah beliau telah

ambil untuk menambahkan sumber-sumber air baru sama ada untuk minuman atau tanaman.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Kementerian Pertanian sedang giat menjalankan beberapa ujian untuk mencari punca-punca air di bawah tanah untuk pertanian di dalam negara kita ini. Usaha-usaha umpama ini telah dijalankan di Baris Lalang dan Meranti di negeri Kelantan. Ujian-ujian yang diadakan di kawasan ini telah memperlihatkan kejayaan. Ujian-ujian untuk mencari punca-punca air di bawah tanah di tempat-tempat lain seperti di kawasan MADA juga dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari mencari punca-punca air di bawah tanah, Kerajaan juga telah menubuhkan satu unit "Cloud Seeding" atau membuat hujan tiruan bagi mengatasi masalah kekurangan air untuk tujuan pertanian. Unit ini telahpun menjalankan tugasnya dengan jaya di Kawasan Pengairan Muda pada akhir tahun 1978 untuk membolehkan petani-petani di kawasan berkenaan menanam padi bagi musim pertama tahun 1979 ini. Kerajaan sedang membuat kajian haideroloji yang telah dimulakan pada tahun 1972 oleh Jabatan Parit dan Taliair. Kajian ini sedang mengumpul data-data haideroloji seperti hujan, aliran sungai-sungai dan sebagainya secara sistematik dan saintifik supaya sumber-sumber air di seluruh negara dapat dinilai, dikaji dan seterusnya dimajukan untuk memenuhi berbagai-bagai permintaan dalam jangka panjang.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Sebagaimana yang kita tahu di negara kita ini banyak gunung-gunung dan bukit-bukit tinggi. Di bukit-bukit tinggi dan gunung-gunung itu kesemuanya ada pancuran-pancuran air yang mengalir dengan tidak disambung dan membazir sahaja. Adakah di dalam langkah Kerajaan atau Kementerian Pertanian ini rancangan supaya air-air dari pancuran gunung-gunung itu dialirkan ke kampung-kampung dan kepada tempat-tempat pertanian supaya tidak hilang dengan percuma.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, ada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mencari bekalan air seperti di gunung-gunung untuk dialirkan keluar, tetapi ini didapati, hasil daripada kajian itu oleh pakar perunding dan sebagainya, perbelanjaannya amat besar. Tetapi untuk keperluan sementara dan untuk keperluan serta-merta itulah satu cara seperti mana yang saya katakan cloud seeding itu dibuat untuk mendapatkan air serta-merta.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Setakat yang saya faham hujan tiruan ini dibuat ada satu alat ditembak ke atas iaitu tempat awan yang tebal. Sekiranya tiada awan yang tebal, awan yang mengandungi air dia tidak akan dapat menurunkan air. Jadi kalau benar, sekiranya tidak ada awan yang tebal macam mana hendak mendapatkan air daripada hujan tiruan tadi.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang air hujan itu datangnya daripada awan. Kalau tiada awan tidak dapatlah kita menjalankan cloud seeding ini. Tetapi usaha lain yang telah dijalankan oleh Kerajaan iaitu menggali telaga-telaga di bawah tanah supaya bila hasil daripada kajian ini dapat diusahakan dan dipandang akan memberi faedah yang besar maka itu sahajalah akan dijalankan.

HUKUMAN HUDUD DI MALAYSIA

21. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda Perlembagaan supaya hukuman Hudud dapat dijalankan di Malaysia.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks susunan masyarakat dan sistem perundangan dan pentadbiran yang terdapat di negara ini pada masa ini, soal mengenakan hukuman Hudud menimbulkan banyak masalah yang perlu diatasi dan Kerajaan pada masa ini belum bercadang mengambil apa-apa langkah untuk membolehkan hukum Hudud dijalankan di negara ini. Oleh yang demikian, soal meminda Perlembagaan tidaklah timbul.

KAYU GERGAJI/PAPAN LAPIS SEBAGAI BAHAN PERUMAHAN

22. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan papan, papan lapis dan bruti merupakan bahan-bahan penting untuk perumahan pada masa sekarang dan susah untuk didapati oleh kerana pengilang-pengilang papan lebih suka mengeksport bagi bahan-bahan itu, sama ada beliau akan mengadakan kuota eksport bagi bahan-bahan tersebut untuk menjamin bekalan yang cukup untuk faedah perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Kementerian Perusahaan Utama memang sedar bahawa kayu gergaji dan kayu papan lapis (plywood) adalah merupakan bahan-bahan penting untuk perumahan. Kementerian Perusahaan Utama juga sedar bahawa terdapat kesusahan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna tempatan bagi mendapatkan bekalan kayu-kayu tersebut. Walau bagaimanapun kesusahan ini bukanlah disebabkan oleh pengeksportan hasil barangan ini yang terlalu banyak dan tidak terkawal. Angka-angka menunjukkan bahawa pengesportan kayu gergaji dari tahun 1976 telah tidak menunjukkan apa-apa perubahan yang besar walaupun jumlah pengeluaran kayu gergaji telah bertambah sebanyak 12% dalam tempoh yang sama. Jumlah yang telah dijual di pasaran tempatan sebanyak 18%. Ini bermakna bahawa bekalan kayu gergaji untuk kegunaan tempatan telah bertambah sebanyak 41% dalam tahun 1976 kepada 43% dalam tahun 1977 dan 45% dalam tahun 1978.

Oleh itu jelaslah bahawa bekalan untuk pasaran tempatan telah sebenarnya bertambah tetapi permintaan tempatan telah meningkat dengan lebih pesat lagi disebabkan oleh pertambahan kegiatan aktiviti pembangunan di luar bandar dan juga di kawasan bandar di Semenanjung Malaysia.

Masalah yang sebenarnya yang dihadapi oleh pengguna-pengguna tempatan terutama dari segi pembinaan rumah tidaklah masalah mendapatkan kayu gergaji tetapi ialah masalah harga kayu gergaji yang telah bertambah. Faktor-faktor yang menyebabkan

kenaikan harga ini di antara lain ialah kerana naiknya harga pasaran kayu gergaji di pasaran dunia oleh kerana bekalan telah tidak dapat menyamai permintaan, kenaikan harga "mark-up" yang dikenakan oleh pengilang-pengilang papan oleh kerana naiknya harga kayu balak, kenaikan harga pengangkutan, kenaikan harga alat-alat jentera, harga buruh dan juga harga pengilangan. Di samping itu kos telah bertambah tinggi lanjutan dari pengeluaran kayu gergaji yang rendah mutunya hasil daripada kayu balak yang bermutu rendah.

Kayu jenis papan lapis, sebaliknya adalah digunakan juga dalam lapangan pembinaan rumah tetapi kegunaannya adalah kurang berbanding dengan kayu gergaji. Harga kayu jenis papan lapis walau bagaimanapun telah meningkat semenjak tahun lepas dan ini disebabkan oleh naiknya harga kayu balak, harga minyak, harga pengangkutan, buruh dan harga pelekat (glue). Sebagaimana juga keadaannya dengan kayu gergaji, masalah yang dihadapi bukan dari segi pembekalan kayu-kayu ini tetapi adalah dari segi harga kayu papan lapis yang telah bertambah.

Mengenai dengan cadangan untuk mengenakan kuota kepada pengeksport kayu papan lapis ini, sukalah saya menyatakan bahawa eksport kayu papan lapis daripada Semenanjung Malaysia telahpun tertakluk kepada satu aturan kuota yang dikenakan oleh Persatuan Pengilang Papan Lapis sendiri dan diawasi pelaksanaannya oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Kuota ini telah dikenakan untuk menentukan bahawa bekalan tidak melebihi keperluan dan seterusnya untuk menentukan harga-harga kayu papan lapis di pasaran antarabangsa itu terkawal. Walau bagaimanapun, kebanyakan kayu papan lapis yang dieksport keluar negeri adalah daripada gred yang tinggi mutunya manakala kayu papan lapis yang diperlukan untuk kegunaan tempatan adalah daripada gred yang kurang mutunya. Namun demikian, oleh kerana Persatuan Pengilang Papan Lapis telahpun ada mempunyai peraturan kuotanya, Kementerian Perusahaan Utama tidaklah bercadang untuk mengenakan apa-apa kuota lagi.

Mengenai pengenaan kuota terhadap eksport kayu gergaji pula, Kementerian Perusahaan Utama berpendapat bahawa masalah pembekalan kayu gergaji dalam negara tidaklah dapat diatasi dengan cara mengawal pengeksportan kayu gergaji dengan secara

amnya oleh kerana "viability" kilang-kilang papan adalah bergantung juga kepada pengeluaran "complementary" kayu gergaji untuk pasaran eksport dan pasaran tempatan. Pendapatan yang tinggi yang diperolehi dari hasil gred eksport dapat membantu (compensate) pendapatan yang rendah yang diperolehi dari hasil gred yang dijual di pasaran tempatan dan harga pasaran kayu gergaji tempatan akan menjadi lebih mahal sekiranya kilang papan dihadkan untuk mengeksport dan bergantung semata-mata kepada pasaran-pasaran tempatan untuk terus hidup. Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Utama tetap mengkaji dan mengambil langkah-langkah tertentu terhadap masalah kekurangan-kekurangan kayu gergaji jenis tertentu.

Di samping ini, Kementerian Perusahaan Utama telah juga menggalakkan pengimportan kayu balak dengan tujuan untuk menambahkan lagi bekalan kayu gergaji dalam negeri dan berhubung dengan ini pihak Kerajaan telahpun mengecualikan cukai import dan cukai tokok yang dikenakan ke atas balak-balak yang diimport.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan ia sedar di atas kekurangan papan dan beluti itu di negeri ini. Oleh kerana rancangan dalam bandar dan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini memerlukan kayu terutama sekali papan dan juga beluti ini adalah keluaran daripada negeri sendiri, jikalau tidak didapati dalam negeri sendiri yang mana kita juga yang mengeksport papan keluar negeri, dalam negeri tidak dapat membeli papan, inilah perkara yang anih sekali. Boleh atau tidak, bukan kita mengatakan tidak boleh mengeksport papan lapis ataupun beluti-beluti tetapi mestilah ada sekatan. Kalau tidak ada sekatan nanti semua kayu-kayu ini akan dieksport, kerana di luar negeri harganya adalah mahal daripada di dalam negeri. Jadi boleh atau tidak buat satu kuota kalau misalnya ia ada mempunyai 1,000 tan kayu, sekurang-kurangnya 200 tan kayu papan ini mestilah untuk dalam negeri dan yang 800 tan itu dia boleh untung. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan mengapa pihak Kementerian Perusahaan Utama memikirkan bahawa setakat ini tidak perlu kita mengadakan kuota oleh kerana kalau kita

hendakkan kilang-kilang papan tempatan juga hidup terpaksa pendapatan daripada eksport kayu gergaji di luar negeri menambahkan pendapatan untuk membekalkan kayu dalam negeri kerana dengan menjual di luar negeri kita mendapat keuntungan lebih sedikit dan itu digunakan untuk menambahkan kekurangan untung dari jualan dalam negeri.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada jawapan daripada Menteri yang berkenaan. Yang saya pelik Menteri yang berkenaan mengaku yang kayu ini ada kekurangan sekarang. Kemudian dibenarkan mengimport log daripada luar masuk ke Malaysia. Yang saya pelik, fasal apa tidak tahan log yang dalam negeri jangan dibenarkan eksport keluar negeri. Ini terbalik. Kalau ini dapat dilakukan, saya fikir kayu dalam negeri boleh jadi cukup. Jangan dibenarkan langsung eksport log daripada dalam negeri ini keluar; dibenarkan masuk tidak mengapa. Adakah Menteri yang berkenaan fikir boleh dibuat begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Semenanjung Malaysia ini memanglah kayu-kayu balak dicegah daripada dieksport ke luar negeri, hanya di negeri seperti Sarawak dan Sabah sahaja perkara ini masih dibenarkan oleh kerana masalah kayu-kayan ini adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan sangat salah. Sampai hari ini ada 16 jenis kayu balak yang dibenarkan oleh Kerajaan ke luar negeri. Ini yang saya kata patut ditahan. Jawapan itu salah.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, cara jawapan saya itu secara umum. Memang ada di antara kayu-kayu yang boleh kita eksport ke Singapura umpamanya. Tetapi dengan pengeksportan kayu ini ianya tidak menyekat atau mengurangkan bekalan untuk kegunaan dalam negeri. Yang menjadi masalah, ialah masalah kayu di Semenanjung Malaysia tidak akan menjadi kekurangan asalkan pengimport-pengimport dari Semenanjung Malaysia sanggup membayar harga yang dikehendaki oleh exporters dari East Malaysia. Itu yang sebenarnya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Yang Berhormat Menteri telah mengaku iaitu kekurangan kayu papan sekarang dalam negeri. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kalau kekurangan tidak dapat berjalan rancangan-rancangan Kerajaan. Boleh atau tidak macam besi keluli kita terpaksa import daripada luar negeri. Boleh atau tidak papan-papan ini kita import dari luar negeri? Ini boleh atau tidak kita beli papan daripada Indonesia, Afrika, England, kerana perkara ini anih sekali kalau tidak disekat.

Jadi kalau misalnya papan lapis tidak ada—apa hendak buat? Dahulu Menteri mengatakan tidak ada kekurangan besi, kemudian baru diberi permit untuk membeli besi daripada luar negeri. Sekarang begitu juga terjadi kepada kayu-kayu. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa daripada segi kayu tidak perlu kita import dari luar negeri bahkan di-import daripada negeri kita sendiri iaitu dari East Malaysia. Banyak kayu lapis, kayu papan gergaji banyak di sana, begitu juga kayu balak, asalkan kita di sini sanggup membayar harga yang competitive.

MAS—PEMULIHAN PERKHIDMATAN

23. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada perkhidmatan MAS (Sistem Penerbangan Malaysia) sudah pulih seperti sebelum pertelingkahan dengan pekerja-pekerjanya dahulu.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu bagi pihak Menteri Pengangkutan.

Sukacita saya maklumkan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan MAS telah pulih seperti sebelum pertelingkahan dengan ahli-ahli Kesatuan Sekerja AEU dahulu.

PENDATANG HARAM VIETNAM

24. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang terdapat di negara kita sekarang dan bilangan yang sudah diambil oleh negara ketiga.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram di negara kita pada 12hb Julai, 1979 adalah sebanyak 73,217 orang. Sambutan yang diberi oleh negara ketiga untuk mengambil pendatang haram Vietnam dari negara kita setakat ini, kita berasa sangat tidak memuaskan. Hanya negara Amerika Syarikat yang memberi jaminan tentang bilangan yang agak lebih dari negara-negara lain.

Bilangan yang masuk ke negara kita dalam tahun 1975 kalau saya hendak ceritakan ialah 119,865. Bilangan yang telah dipindahkan ke negara ketiga ialah 44,750. Pada tahun ini hasil daripada usaha yang kita buat mendesak negara-negara ketiga, kita telah menerima jaminan daripada Australia 7,900; daripada Canada 6,000; daripada negeri Perancis 5,000; New Zealand 600; Sweden 1,250; United Kingdom 250—ia banyak juga masalahnya di Hongkong; Amerika Syarikat 48,000 iaitu 4,000 pada tiap-tiap satu bulan; Jepun 500; Ireland 400; negeri Belanda 600; negeri Greece 50. Jadi jaminan-jaminan yang kita dapat untuk tahun ini iaitu 70,505 tetapi bilangan yang sudah keluar macam saya sebut tadi tidak memuaskan. Australia menerima, yang sudah keluar sekarang, 4,300; Canada 3,338; Perancis 610; New Zealand 197; Sweden 262; UK 66; Amerika Syarikat 14,965; Jepun tidak ada; Ireland pun tidak ada; Belanda ambil 11. Jadi sebab itulah kita kata orang yang melaung-laung hendak menerima ini seolah-olah tidak berapa serius.

Satu lagi perkara yang tidak memuaskan ialah cara mana yang saya sebut bertalu-talu cara mereka ini mengambil orang-orang pendatang haram ini. Di dalam istilah mereka orang-orang ini adalah orang perlarian (refugees). Ini istilahnya bila dia melaung-laung, tetapi dalam cara pengambilannya orang ini adalah immigrant bermakna menggunakan kategori-kategori, classification (jenis) yang tertentu; disoal umpamanya: Dahulu adakah awak bekerja dengan Kerajaan kami atau adakah bekerja dengan swasta kami di Saigon atau adakah pandai berbicara dalam bahasa Inggeris atau bahasa Perancis? Yang menjadi problem kepada kita ialah apabila dipilih semua ini, apa jadinya kepada baki-baki atau sisa-sisanya. Semua yang hendak dipakai telah diambil apa jadinya nanti kepada sisa-sisa. Inilah yang memberatkan kepala kita pada masa ini.

Satu lagi iaitu cara hendak memindahkan. Ada negara itu ia sanggup menerima beberapa ratus ataupun beberapa ribu orang sebulan. Sesudah dipilih, ia tidak pindahkan semua dan masih tinggal di Kem itu lagi. Jadi bermakna orang itu sudah dipilih tetapi mengambil tempat orang lain yang patut boleh masuk dan juga memakan wang perbelanjaan yang patut dibelanjakan kepada orang lain walhal orang ini patutnya dipindahkan kepada negara yang sudah sanggup menerimanya. Yang menjadi sedih kepada kita terutama bila kita fikir hal ini iaitu menengokkan anak-anak kecil yang tidak berdosa, yang tidak tahu hulu-hilir mengapa yang mereka dipindahkan ke situ. Maka anak-anak ini akan membesar di pulau-pulau ini ataupun di tempat-tempat ini dalam tempoh setahun dua ini, ia akan membawa satu perasaan yang saya kira sangat buruk, kerana apa? Kerana mereka ini besar dalam suasana yang begitu buruk sekali. Jadi inilah problem yang akan kita hadapi pada masa ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak membuatkan soalan tambahan pendatang haram yang ada di dalam negeri kita ini sahaja. Walaupun soalan saya ini bunyi detail tetapi Yang Berhormat seorang yang pakar dia boleh menjawab secara am. Saya hendak bertanya, berapa ramai yang terlibat lari daripada kemah-kemah kita. Adakah yang terlibat lari daripada kemah kita dan juga yang melakukan jenayah. Lagi satu yang melahirkan anak di tempat-tempat kemah-kemah kita dan anak yang dilahirkan itu diiktiraf anak Vietnamkah atau anak Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menengok note saya ini, sebab yang lari itu ada. Bilangan yang dapat lari daripada pulau-pulau ini sebanyak 46 orang. Mereka lari ke laut, mereka dapat mencuri kapal ataupun mengambil kapalnya yang lama itu, ia dapat lari ke laut.

Yang ditangkap sebab-sebab jenayah 27 orang dan mengikut nasihat daripada Jabatan Peguam Negara akan dibawa ke mahkamah. Anak yang dilahirkan itu sebagai prinsipnya tidak dapat diiktiraf sebagai warganegara Malaysia. Bilangannya ada di sini tetapi saya

tidak dapat keluarkan, sebab banyak sangat kertas di sini. Saya akan kirimkan dengan bertulis.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi iaitu 46 orang telahpun lari ke laut. Adakah apa-apa keterangan mereka ini betul-betul lari ke laut—bukan ke hutan Malaysia (*Ketawa*). Itu yang pertama.

Yang kedua, kita mendengar daripada tahun 1975 kita menerima orang-orang pelarian daripada Vietnam. Rakyat ingin tahu siapakah memberi wang peruntukan untuk memberi perumahan dan menjaga mereka. Seperti yang kita maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu lebih kurang \$55 juta Kerajaan Malaysia telah belanja. Wang ini wang Malaysiakah atau lain-lain negeri seperti Bangsa-bangsa Bersatu atau Amerika Syarikat yang membelanjakan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyatakan mereka lari tadi, keluar daripada tempat kita, itu memang sah. Itu memang sah mereka tidak lari mendarat.

Yang kedua, soal perbelanjaan. Kita tidak membelanjakan satu sen pun terhadap pendatang haram ini. Bayaran adalah dibuat oleh United Nations High Commissioner for Refugees mulai daripada tahun 1975. Angka yang dibelanjakan \$27,872,841.11 itu setakat bulan Jun. Tidak ada duit yang kita gunakan untuk membiayai pendatang haram.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri angka-angka yang telah diberikan ini ialah angka-angka yang didaftarkan oleh Kerajaan Malaysia. Bolehkah kita dapat tahu bahawa tidak ada refugees ataupun tidak ada pendatang haram yang tidak tercatat, ataupun semua 100% bilangan pendatang haram itu tercatat, atau adakah pula bilangan-bilangan yang lain yang kita tidak dapat catit.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang kita buat kerja di dalam negara ini, saya berasa puas hati tidak ada

bilangan yang tidak tercatat, semuanya tercatat hanya kadang-kadang itu kita membezakan di mana hendak masukkan mereka dalam Kem UN dan di mana kita hendak suruh keluar, itu sahaja. Tetapi soal catit itu, memang catit.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad bilangan yang lahir 499 orang, yang mati 115 orang.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Untuk menjelaskan sedikit atas soalan itu. Tujuan soalan saya tadi ialah tidak ada pendatang haram yang masuk ke negeri ini melainkan semuanya kita tahu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Apa yang saya beritahu, Tuan Yang di-Pertua, ialah pendatang haram Vietnam. Banyak lagi pendatang haram yang lain. Tempoh hari kita bercakap pendatang haram di Johor—itu kita tangkap dan dihantar balik. Yang Vietnam ini semuanya tercatat.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan berapa ramai pegawai-pegawai Bangsa-bangsa Bersatu dan juga pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia yang terlibat dalam menguruskan perkhidmatan untuk melayani pendatang-pendatang haram ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bilangannya Tentera Darat: 64 pegawai dan 1,602 lain-lain pangkat. Tentera Laut: 34 pegawai dan 417 lain-lain pangkat. Tentera Udara: itu mengikut kadang-kadang lebih dan kadang-kadang kurang mengikut apa kapal yang kita gunakan. Polis: 262 orang. Marine Police: kita memakai bot iaitu 4 Trojan, 6 PA dan 1 PX. Imigeresen: 24 pegawai dan 26 staff bantuan. Selain daripada itu, kita gunakan RELA lebih kurang 140 orang yang kita pakai.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 25 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)

KAWASAN PILIHANRAYA NEGERI/PARLIMEN

25. Tuan Ismail bin Hashim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya bercadang hendak mengubahsuai kawasan-kawasan Pilihanraya Negeri dan Parlimen di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang ada sekarang.

Menteri Tak Berpottfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mengulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri pada lat tempoh yang tidak kurang daripada 8 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun.

Dalam hal ini, sebagaimana Ahli Yang Berhormat harus maklum, bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah telahpun diulangkaji dalam tahun 1974 dan oleh itu saya percaya Suruhanjaya Pilihanraya akan mula mengulangkaji bahagian-bahagian-pilihanraya tersebut mulai dalam tahun 1982.

Berhubung dengan bahagian-bahagian-pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak pula bahagian-bahagian-pilihanraya tersebut telahpun diulangkaji dalam tahun 1976/77 dan dengan itu urusan mengulangkaji semula akan hanya diadakan paling awal dalam tahun 1985.

PENDATANG HARAM VIETNAM— JUMLAH

26. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setakat sekarang berapa ramai pendatang haram Vietnam berada di Malaysia, sejauh manakah kejayaan "Task Force" dalam mengendalikan mereka, dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menghalang mereka dari datang ke Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini pada 12hb Julai 1979 ialah 73,217 orang.

Kedatangan pendatang haram Vietnam ke negara ini telah bermula sejak dari tahun 1975, bilangan mereka yang mendarat adalah kecil dan boleh diurus. Sehingga bulan Ogos 1978 bilangan mereka ialah 34,000 orang yang mana sebahagian kecil daripada mereka telah diusir keluar dan juga dipindahkan ke Negara Ketiga. Tetapi dalam tempoh empat bulan terakhir tahun 1978, kedatangan mereka bertambah seramai 41,981 orang dan pada akhir tahun tersebut bilangan mereka yang berada di negara ini berjumlah 75,981 orang. Pihak Kerajaan mengambil langkah tegas termasuk menubuhkan Pasukan Petugas VII dengan tujuan untuk mencari jalan mengatasi masalah kebanjiran pendatang haram Vietnam tersebut dengan lebih berkesan. Sehingga akhir bulan Jun 1979 kita telah mengusir seramai 51,666 orang dan memindahkan ke negara ketiga seramai 44,194 orang daripada jumlah yang mendarat di negara ini seramai 170,499 orang yang tiba sejak 1975.

Mengenai usaha Kerajaan menghalang kemasukan pendatang haram Vietnam adalah sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18hb Jun 1979 yang mana kita tidak akan menerima kedatangan pendatang-pendatang haram Vietnam lagi dan jika ada yang cuba memasuki perairan kita atau cuba mendarat, mereka akan diusir keluar.

DENDA KESALAHAN KHALWAT

27. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak meninggikan lagi denda-denda yang dikenakan kepada orang-orang Islam seperti kesalahan khalwat \$100.00, bersebudukan hingga setahun \$200.00.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pentadbiran Hukum Syarak adalah terletak di bawah bidang-kuasa Negeri, kecuali bagi Wilayah Persekutuan. Oleh hal yang demikian, soal menambahkan lagi denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan seperti khalwat adalah terpulung kepada masing-masing Negeri untuk memutuskannya. Bagi Wilayah Persekutuan, sebuah jawatankuasa sedang berusaha menggubal sebuah Akta baru mengenai pentadbiran Hukum Syarak dan saya percaya jawatankuasa ini akan memberi pertimbangan se-

wajarnya terhadap soal menseimbangkan denda yang hendak diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan tertentu.

ANGKATAN TENTERA—DISIPLIN TERHADAP PEGAWAI

28. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Pertahanan, memandangkan terdapat anggota tentera yang tidak berdisiplin seperti tidak menghormati Pegawai-pegawai, mengedar dadah atau menjadi penagih dadah untuk menyatakan bilangan yang terlibat dalam tindakan tata-tertib dan sama ada Kementeriaannya bercadang menyusun semula soal disiplin supaya anggota-anggota tentera kita akan menjadi lebih bertata-tertib.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Saya suka menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa perbuatan tidak berdisiplin anggota-anggota tentera seperti tidak menghormati pegawai, menjadi penagih atau pengedar dadah amatlah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan bilangan anggota-anggota Angkatan Tentera pada keseluruhannya.

Kepada sebilangan kecil yang terlibat itu, Kementerian ini telahpun mengambil tindakan-tindakan yang tegas. Kementerian ini tidak pernah mendiamkan diri terhadap mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan baik yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan ketenteraan seperti Akta Angkatan Tentera yang diluluskan oleh Parlimen ini tetapi juga undang-undang dan peraturan awam.

Oleh yang demikian soal menyusun semula peraturan disiplin supaya anggota-anggota tentera kita akan menjadi lebih bertata-tertib, tidaklah berbangkit pada masa ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

29. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatannya ke negara China baru-baru ini.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah sama maksudnya dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah Haji Salim yang telah dijawab dengan panjang lebar oleh saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin 9hb

Julai, 1979. Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi ke atas jawapan yang telah diberikan itu.

PENUNTUT ALIRAN SAINS/ SASTERA—PEMILIHAN KEMASUKAN

30. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam proses pengambilan penuntut-penuntut untuk universiti-universiti tempatan pada tahun ini calon-calon aliran sains bukan Bumiputra yang hanya mempunyai agrigate lebih daripada 58 mata sahaja layak mendapatkan tempat, manakala calon-calon aliran sastera yang mempunyai agrigate lebih daripada 40 mata sudah layak mendapat tempat di universiti-universiti; jika sedar, nyatakan sebab-sebabnya perbezaan yang besar dalam agrigate untuk melayakkan seseorang calon memasuki universiti-universiti antara dua aliran itu.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian ini memang sedar bahawa wujudnya perbezaan dalam agrigate diantara calon-calon aliran sains dan sastera Bukan Bumiputra bagi kelayakan untuk kemasukan ke universiti-universiti, yang dikelolakan oleh Unit Pusat Universiti-universiti. Adapun sebab timbulnya perbezaan ini ialah soalan-soalan bagi matapelajaran dalam aliran sains lebih bersifat objektif dan oleh itu boleh dijawab dengan tepat. Berikutan daripada itu jika sekiranya seseorang calon dapat menyelesaikan sesuatu masalah maka ia mungkin boleh mendapat seratus peratus atau markah penuh. Sebaliknya bagi soalan-soalan dalam matapelajaran sastera pula oleh kerana ianya lebih bersifat subjektif, maka tidak mungkin bagi sesuatu jawapan itu mencapai markah penuh. Berasaskan faktor seperti yang disebutkan itu maka ramailah pelajar-pelajar sains Bukan Bumiputra dapat mencapai kelulusan yang lebih baik jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di aliran sastera.

Pihak universiti menyediakan tempat hanya kepada calon-calon terbaik dari kedua-dua aliran dan apabila kesemua tempat ke sesuatu aliran telah diisi mengikut quota yang telah ditetapkan maka calon-calon yang selebihnya tidaklah dapat diberikan tawaran. Memandangkan bilangan tempat aliran sastera lebih banyak daripada bilangan tempat aliran sains maka "cut off points" bagi aliran sastera ter-

paksa diturun kepada peringkat yang jauh lebih rendah daripada "cut off points" bagi aliran sains.

SAMSU HARAM HUKUMAN BERAT

31. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengenakan hukuman mati ke atas mereka yang membuat serta menjual samsu haram.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Mengenai hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang membuat serta menjual samsu gelap, saya berpendapat peruntukan undang-undang di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 adalah agak mencukupi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempertimbangkan kemungkinan akta tersebut dipinda untuk memperuntukan hukuman-hukuman yang lebih berat atas kesalahan-kesalahan bersabit dengan samsu gelap.

SYARIKAT KEWANGAN BERLESEN

32. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan syarikat-syarikat Kewangan yang ada di Malaysia, bilangan yang dipunyai oleh Rakyat Malaysia mengikut keturunannya serta jenis-jenis syarikat-syarikat Kewangan yang telah dibenarkan oleh Kementerian beliau.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Hingga setakat ini, terdapat 33 buah syarikat Kewangan berlesen yang menjalankan perniagaannya di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 9 buah ialah anak syarikat kepada bank-bank perdagangan tempatan, 5 buah ialah anak syarikat kepada bank-bank perdagangan asing, manakala 19 buah lagi ialah syarikat-syarikat awam. Daripada 33 buah syarikat-syarikat Kewangan tersebut, hanya 6 buah sahaja yang mempunyai 51% atau lebih modal dibayarnya dimiliki oleh bumiputra. Kementerian Kewangan cuma mengeluarkan lesen-lesen syarikat kewangan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Kewangan, 1969. Pada akhir tahun 1978, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengeluarkan sebanyak 12 lagi lesen baru kepada bumiputra atau syarikat-syarikat usahasama di mana bumiputra menguasai syarikat-syarikat tersebut.

PAKATAN TENTERA NEGARA- NEGARA ASEAN

33. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan kita bercadang mengadakan satu pakatan tentera banyak-hala (multi-lateral) dengan negara-negara anggota ASEAN.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Seperti yang telah dijelaskan di Dewan ini kelmarin, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang mengadakan pakatan tentera banyak-hala (multi-lateral) dengan negara-negara anggota ASEAN.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (12hb Julai, 1979).

3.51 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam sebagai menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Semalam saya telah menyebutkan Pusat Latihan Insurans Malaysia, pusat yang akan melatih mungkin penginsurans, agen, broker dan penyelaras. Dengan adanya pusat ini akan melatih mereka yang ada kaitan dengan insurans ini, akan menaikkan taraf Malaysia ini dalam industri insurans yang lebih baik, lebih bermutu di kawasan Tenggara Asia ini.

Kementerian Kewangan, saya mengharapkan hendaklah memberikan restu, pertolongan seberapa yang boleh daripada segi moral dan materialnya kerana kita patut memikirkan jangka panjang dalam masalah insurans ini dan ada kaitan sebagaimana yang telah saya cakapkan semalam iaitu kiranya dapat diwujudkan Majlis Insurans Asean, mungkin ini juga dapat diberikan peluang kepada anggota-anggota insurans daripada kawasan-kawasan yang disebutkan itu dapat berlatih dengan pusat yang saya katakan ini. Selain

daripada itu kalau dapat Kerajaan juga patut memerhatikan dalam bidang insurans ini iaitu menggesa tiap-tiap sekolah sama ada sekolah rendah ataupun menengah supaya sekolah itu mengadakan insurans, bukan setakat pada faktori, bangunan dan lain-lain sebab sejak di akhir-akhir ini pernah berlaku khususnya sekolah-sekolah yang terdedah dengan kemalangan. Pernah berlaku di sekolah itu pelanggaran anak-anak kita, pernah berlaku di sekolah itu waktu mengadakan makmal sains mencederakan anak-anak kita. Dengan keadaan ini sekiranya sekolah itu ada mempunyai polisi insurans akan dapat memberikan pertolongan kepada keluarga yang terlibat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga patut memikirkan dalam masalah insurans juga kepada peserta-peserta ladang terutama ladang-ladang yang dikuasai oleh swasta, firma ataupun dikuasai oleh agensi Kerajaan. Umpamanya saya katakan dalam ladang ianya dibuatkan insurans pada bangunan-bangunan, pokok-pokok di ladang itu—ini kalau salah Yang Berhormat boleh membetulkan. Kepada pekerja ladang itu tidak terlibat dengan insurans khususnya kerja-kerja di ladang yang ada kaitan dengan kecederaan atau kemalangan, pernah berlaku seorang pekerja menyabit kelapa sawit menggunakan sabit salah sabit yang dipegang itu terlepas terkena leher putus dan mati di situ juga. Kejadian maut ini telah dibawa kepada Polis dan pihak waris menuntut sedikit sebanyak pampasan pihak ladang—pihak swasta tidak terlibat dalam masalah ini—telah dilihatkan bahawa pekerja itu tidak mempunyai satu insurans. Hal ini, saya fikir patut difikirkan lebih jauh oleh Kementerian Kewangan kita.

Akhirnya satu perkara yang kita sangat berbesar hati iaitu Kerajaan ada wang Sekim Jaminan Insurans. Dalam bidang perniagaan insurans yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam termasuklah insurans nyawa. Perusahaan ini sekarang menjadi tandatanya kepada rakyat khususnya rakyat yang beragama Islam sebab ada fatwa-fatwa yang didatangkan oleh alim ulamak bahawa mengambil polisi insurans nyawa itu adalah haram di sisi Islam. Apa yang saya hajatkan masalah ini adalah menjadi satu keraguan kepada umat-umat Islam dalam negeri ini, saya harapkan Kementerian ini supaya menghantar rombongan alim ulamak ke negara-negara Islam yang ada menggunakan perniagaan bercorak insurans

nyawa ini bagi diharuskan. Segi perniagaan yang saya sebutkan tadi, kalau boleh dilihat atau dipilih oleh negara-negara Islam yang sedang menjalankan sama tarafnya dengan insurans nyawa atau sistem yang ada dalam negeri kita ini diubahsuaikan kepada negara Islam yang mengharuskan perniagaan ini. Dengan keadaan ini akan lebih lagi meyakinkan rakyat negeri ini dapat dipergantungkan nasibnya dengan peniaga-peniaga insurans ini. Kalau boleh Kerajaan menghantar rombongan ke negara-negara Islam bagi mendapatkan fatwa berhubung dengan perancang keluarga saya fikir tidak mustahil satu ketika kelak Kerajaan tidak dapat menghantar rombongan dari alim ulamak bagi mempasti fatwa menentukan kedudukan insurans nyawa.

Jadi dengan ini, saya memberi sokongan di atas Rang Undang-undang ini.

3.57 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Insurans yang dikemukakan kepada Dewan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu di dalam masa membahaskan Anggaran Belanjawan pada tahun yang lalu saya telah menyebutkan mengenai perkara insurans-insurans yang berjalan di negara kita ini yang mana pada anggapan saya adalah tidak sesuai dan tidak mempunyai sifat-sifat yang sepatutnya sebagai sebuah syarikat insurans yang diharap dapat melindungi kepentingan pembeli-pembeli polisi. Saya katakan begitu kerana pihak-pihak syarikat-syarikat insurans ini mereka memang telah bergabung menjadi sebuah badan yang dapat mengemukakan berbagai-bagai masalah yang mereka hadapi yang diminta supaya Kerajaan memberi perlindungan yang lebih kepada mereka, akan tetapi mengikut apa yang kita telah bersetuju iaitu Kerajaan pada hari ini adalah lebih bercorak Kerajaan rakyat. Tetapi kepentingan-kepentingan pemegang polisi masih lagi belum terdapat kawalan-kawalan yang cukup lebih-lebih lagi di kalangan pengusaha-pengusaha bumiputra yang mana hanya kadangkala tidak begitu menghalusi tentang tanggungjawab syarikat-syarikat insurans tadi.

Saya boleh buktikan di sini sekurang-kurangnya tiga buah perusahaan bumiputra di dalam negeri Kedah sahaja yang telah

tidak berjaya mendapat perlindungan (cover) daripada insurans dengan sebab kebanyakan penjual-penjual polisi ini lebih pintar di dalam melindungi kemungkinan-kemungkinan yang mereka akan dibayar di atas polisi-polisi yang dikeluarkan. Dengan kelicinan inilah pada akhirnya manakala berlaku satu-satu kebakaran atau berlaku satu-satu malapetaka syarikat ini dengan mudah dapat menunjukkan polisi kepada pembeli-pembeli tadi bahawa mereka tidak bertanggungjawab di dalam hal yang berlaku. Pada masa itulah baru pemegang-pemegang insurans ini menyedari bahawa mereka sebenarnya telah ditipu.

Saya meminta dengan sepenuh-penuh harapan supaya Kementerian yang berkaitan pada masa dahulu pun telah saya sebutkan, sekurang-kurangnya dapat mencatat berapakah jumlah pemegang-pemegang polisi yang tidak dibayar dan menyalah sebab-sebab maka mereka ini tidak dibayar atau tidak dilindungi, adakah dengan kepintaran syarikat-syarikat insurans ataupun dengan sebab kesilapan pemegang-pemegang polisi itu sendiri. Inilah kalau syarikat-syarikat insurans dapat melindungi pemegang-pemegang polisi ini barulah boleh dipanggil mereka itu sebenarnya memainkan peranan sebagai sebuah syarikat insurans yang melindungi pembeli-pembeli polisi mereka. Kalau mereka asyik melindungi hakikat yang sebenar dengan kepintaran mereka, melindungi hakikat-hakikat yang sebenar manakala terjadi satu-satu kejadian barulah mereka menunjukkan di bawah clause ini, "saya tidak bertanggungjawab di atas kerosakan yang telah berlaku". Inilah yang banyak berlaku. Kalau sekiranya Kementerian ini mengambil satu inisiatif dengan penuh tanggungjawab mencatatkan senarai-senarai yang tidak dibayar walaupun mereka itu pemegang polisi tetapi syarikat ini dapat melepaskan diri mereka hanya dengan sebab memang syarikat-syarikat insurans ini mengetahui tentang mana kelemahan-kelemahan yang kerap berlaku kebakaran, tentang mana yang kerap berlaku claim, tentang inilah yang mereka melepaskan diri mereka.

Inilah saya berharap bukan sahaja kita hendak menggalakkan syarikat-syarikat insurans untuk mencari wang sedang tidak pada melindungi pemegang-pemegang polisi, tetapi kita juga adalah bertanggungjawab kepada pemegang-pemegang polisi yang tidak mempunyai persatuan atau satu perhimpunan yang dapat mengemukakan masalah-masalah

mereka. Daripada sudut inilah saya harap Kementerian dapat bertindak memeriksa supaya tidak berapa lama lagi kita akan dapat menerima satu senarai black list syarikat-syarikat insurans yang tidak bertanggungjawab seperti ini. Walau bagaimanapun saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah membuat pindaan ini dan saya berharap benar-benar bahawa apa yang saya sebut ini benar-benar berlaku dan patutlah diambil tindakan melindungi pembayar-pembayar dan pembeli-pembeli polisi.

4.03 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini. Perniagaan insurans ini adalah satu perniagaan yang untung sekali oleh kerana premium daripada orang-orang yang mengambil insurans, sama ada insuran nyawa atau insuran harta, ini kita tahu disimpan, kemudian kalau ada orang mati ataupun harta bendanya terbakar maka barulah digantirugi, itupun bukannya 100%, kadang-kadang 70-80% sahaja gantiruginya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu insurans ini adalah satu perniagaan yang untung. Di dalam polisi Kerajaan, terutama sekali meninggikan taraf hidup bumiputra, saya mengatakan dalam Dewan ini, oleh kerana bumiputra sedikit sangat masuk dalam dunia perniagaan seperti insurans ini. Dengan sebab itu pada hari ini banyak syarikat-syarikat insurans daripada luar negeri masuk ke dalam negeri kita, daripada Jepun, England, American Insurance Company, China Insurance Company, daripada Singapura, mereka ini mendapat keuntungan daripada orang Malaysia ini terutama sekali bumiputra. Jikalau sekiranya ada insurance company daripada luar negeri masuk ke dalam negeri ini mestilah hak bumiputra sekurang-kurangnya diberi 51% tetapi kalau boleh 70% oleh kerana dalam perusahaan atau perniagaan ini belum ada banyak lagi bumiputra di dalamnya. Terus-terang saya mengatakan mestilah Kementerian yang bertanggungjawab menengokkan pada hari-hari yang akan datang jangan orang-orang asing yang datang ke mari membuka perniagaan di sini dengan sewenang-wenangnya melainkan dengan ada joint-venture, terutama sekali dengan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 14A (3) di sinilah banyak orang-orang kita tertipu. Undang-undang ini memang bagus dikenakan oleh kerana ejen-ejen yang mengutip duit itu dia poketkan duit itu, kemudian digunakannya. Apabila seseorang yang mengambil insurans nyawa itu mati, dia tidak dapat apa-apa oleh kerana dia kata certificatenya tidak dikeluarkan lagi maka orang itu aniaya sahaja membayar wang yang dikehendaki oleh syarikat insurans. Dengan sebab itu saya sokong sepenuh-penuhnya Fasal 3 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 2, Fasal 4, kalau kita tengok di situ dengan pendek sekali katanya: "Malaysian ship and aircraft and property located in Malaysia to be insured with Malaysian insurer". Di sini kita tahu kapal-kapal ini kebanyakannya diregister di Panama dan juga di Liberia. Kalau diregister di sini dia ambil insurans di sini tetapi kebanyakannya diregister (ada bendera) di Panama, bagaimana kita boleh buat undang-undang ini, dia boleh terlepas daripada ini. Itu Menteri boleh menerangkan bagaimana dia tidak terlepas daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada rakan saya telah bercakap berkenaan dengan insurans nyawa. Ada alim-ulama, saya ini bukanlah alim-ulama, tetapi ada alim-ulama mengatakan insurans nyawa ini haram kepada orang Islam. Jikalau alim-ulama itu mengatakan haram di sisi ugama alim-ulama itu mesti mencari jalan lain. Bagaimana nanti jikalau saya misalnya meninggal dunia. Saya mempunyai anak misalnya 6 orang masih kecil-kecil lagi, harta tanah tak ada, saya ambillah insurans ini dengan motif, tujuan kita bukan kerana hendak mengambil bunga ataupun faedahnya—tidak, ini adalah jaminan kepada anak-anak saya nanti dapat bersekolah dengan adanya insurans itu membayar kepada family saya. Jadi dapatlah isteri saya menyekolahkan anak-anak saya dan juga dapat memelihara kehidupannya sampai anak-anak itu besar. Dengan sebab itu jikalau alim-ulama hendak bertanggungjawab, berani bertanggungjawab yang tiap-tiap anak-anak Islam, tiap-tiap janda dan anak-anak apabila dia mati kelak dengan tidak ada insurans, bukan maknanya dengan insurans sahaja manusia boleh hidup—tidak, itu kita tahu. Kalau ada nyawa memang dapat rezki, itu kita tahu. Tetapi bagaimana keadaannya boleh jadi kais pagi

makan pagi atau lebih menderita lagi. Kita tengok berapa banyak janda yang menderita, berapa banyak anak-anak yang menderita.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang bertanggungjawab mestilah dengan seberapa segera, sebab banyak orang Islam ragu-ragu di atas perkara ini, Menteri yang bertanggungjawab mestilah segera bertanya kepada ulamak-ulamak yang betul-betul ulamak supaya perkara insurans nyawa ini boleh atau tidak kita memasukinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang lebar di atas perkara ini, cuma saya hendak menyokong dengan sepenuhnya, tetapi ingatan saya tadi, terutama sekali kepada bumiputra, jikalau ada insurans bangsa asing masuk, dan saya dapat masuk sudah banyak, hendaklah diberi peluang kepada bumiputra.

4.11 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Insurans, 1963.

Saya hanya hendak bertanya sedikit dengan Menteri yang berkenaan. Adakah pihak Menteri yang berkenaan sedar buat masa ini banyak insurans-insurans sama ada benar ataupun tidak, umpamanya, insurans yang dikeluarkan oleh bas-bas sekolah kepada anak-anak sekolah, kerana insurans-insurans ini diberi kepada anak-anak, disuruh ibubapa mengisi nama dan seterusnya dan syarat-syarat mengatakan di situ \$10,000 mati, patah tangan dan sebagainya ada syarat-syaratnya, tetapi yang malangnya bila sudah dibayar resitnya tidak ada. Ini rasa saya ibubapa masih ragu-ragu, jikalau sekiranya terjadi kemalangan kepada anak-anak ini, apakah tanda-tandanya pihak ibubapa untuk meminta pampasan dan sebagainya kepada syarikat insurans tetapi dengan borang yang diberi itu tidak tahu apakah insurans-insurans yang sebenarnya. Ini menjadi-jadi di Petaling Jaya di kawasan tempat saya tinggal. Banyak, umpamanya, satu bas sekolah itu membawa 50 orang pagi, 50 orang petang, sudah 100 orang. Kalau \$2 seorang berapa jumlahnya. Di sini saya hendak bertanya kepada Kementerian yang berkenaan sama ada pihak Kementerian sedar ataupun tidak sindiket yang dijalankan ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada boleh masuk atau tidak iaitu berhubung dengan perlanggaran kepada orang-orang Islam yang mana apakala berlanggar, umpamanya, dilanggar oleh kereta sudah nampak kita dengan terang dan sah dengan mata kepala, sudah pecah kepalanya ataupun badannya, bila dibawa ke hospital hendak dibedah (post mortem) oleh doktor. Ini pada sisi orang Islam saya rasa sudah banyak berlaku kesusahan dan selalu orang-orang yang berkenaan ini berjumpa dengan saya, meminta tolong kepada Menteri yang berkenaan, doktor dan sebagainya supaya janganlah dibedah anak saya umpamanya, suami saya umpamanya tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya fikir tidak ada kena-mengena dengan insurans.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Ini ada, rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan insurans juga. Doktor mengatakan ini patutlah dibedah, jikalau tidak pihak insurans tidak dapat hendak memberikan bayaran atau ganjaran. Itulah tujuan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, sekianlah sahaja pertanyaan saya. Dengan ini, saya menyokong Akta Insurans, 1963 ini.

4.15 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Insuran, 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik berkenaan dengan pindaan Fasal 3 yang ada di dalam Akta ini iaitu:

“ memperuntukkan bahawa jika premium yang kena dibayar oleh seorang berinsuran diterima oleh mana-mana orang bagi pihak penginsuran, penerimaan itu hendaklah disifatkan sebagai penerimaan oleh penginsuran itu dan beban bagi membuktikan premium itu telah diterima oleh seseorang yang tidak diberikuasa untuk menerima premium itu adalah terletak di atas penginsuran itu ”

Jadi, saya sangat-sangat menyokong di atas pindaan ini, kerana banyak sangat di antara syarikat-syarikat insurans ini hanyalah menubuhkan syarikat-syarikatnya itu di ibukota ataupun di ibu-ibu negeri sahaja, manakala di daerah (district) dia menggunakan agen-agen

sahaja. Maka wang-wang kutipan itu sama ada untuk membeli polisi ataupun wang yang dibayar kerana insurans itu. Apa yang saya katakan ini ialah insurans nyawa, kerana biasanya kutipan itu diterima oleh agen-agenya, maka agen-agen inilah yang duduk di district bukan di ibu negeri.

Satu masalah yang timbul ialah berkenaan resit. Apakala wang diterima, kadang-kadang resit dikeluarkan dan kadang-kadang tidak dikeluarkan. Kalau dikeluarkan resit sekalipun, kalau resit itu resit persendirian jikalau berlaku kemalangan kepada orang yang memegang insurans itu, ini satu perkara yang akan membangkitkan satu kerumitan yang besar, adakah pihak syarikat itu hendak membayar ataupun tidak. Maka dengan adanya pindaan yang ada ini sudah memberi satu jaminan oleh kerana wang itu diterima oleh agen-agen syarikat itu maka pihak syarikat itu dengan sendirinya bertanggungjawab, dia tidak boleh lari. Adapun yang berlaku selama ini tidak begitu. Kadang-kadang syarikat-syarikat itu meletakkan kesalahan itu di atas agen dan agen di atas syarikat. Yang lebih dahsyat lagi ialah agen itu ada pula kakinya, kaki agen yang menjalankan dakyah kepada syarikat-syarikat ini. Jadi kaki agen ini sudah tetap tidak bertanggungjawab, dia tidak diberi tauliah daripada pihak syarikat. Maka apakala dia memungut ataupun mengutip duit daripada orang ramai yang masuk insurans itu maka ini sudah berlaku masalah yang rumit sekali, sudah tetaplah pihak syarikat itu tidak akan membayar kemalangan yang berlaku kepada pihak peng-insuran tadi. Maka pihak agen ini sudah menghilangkan diri, akhirnya yang terkorban itu ialah orang-orang kampung yang lurus, yang jahil dalam perkara-perkara yang seumpama ini. Maka di dalam undang-undang ini mengatakan:

“ dan beban bagi membuktikan premium itu telah diterima oleh seseorang yang tidak diberikuasa untuk menerima premium itu adalah terletak di atas penginsuran itu”

Syarat-syarat yang ada inipun walau bagaimana sudah diketatkan tetapi kelonggaran masih ada lagi, maknanya tidak boleh mengatasi kerumitan-kerumitan yang ada berlaku di kampung-kampung, seperti yang saya katakan tadi. Orang kampung apakala mereka didatangi oleh pihak insurans itu, disuruh mereka masuk insuran, mereka masuk insuran, maka yang datang itu bukan-

nya agennya sendiri tetapi kaki agen itu sahaja. Apakala kaki agen itu menerima wang ia kata tidak apalah, saya akan datang bawa resit, bawa polisi dan sebagainya. Dalam masa itu berlaku kemalangan dan sebagainya kepada orang yang membuat insurans itu, maka sudah tetaplah pihak kompeni tidak akan membayar, pihak syarikat tidak akan bayar insurans kerana kemalangan itu, kerana wang itu belum sampai lagi kepada syarikat dan pihak kaki tadipun tidak mahu membayar. Sepatutnya dalam Undang-undang ini diketatkan lagi supaya kaki agen itu tidak boleh menerima wang dengan tidak memberi resit. Kalau dia terima wang dengan tidak ada resit boleh jadi satu kesalahan kepada dia dan juga melibatkan syarikat itu sendiri.

Lagi satu ialah berkenaan dengan orang-orang yang sudah dipecat, agen-agen yang sudah dipecat oleh syarikat itu dengan sebab dia menyeleweng, ataupun dia pecah amanah ataupun sebagainya dan apakala dia dipecat oleh syarikat atau kompeni berkenaan itu, maka pihak kompeni sahajalah yang tak mengakui dia itu agen, sedangkan orang ramai tak tahu. Kenapakah tidak dibuat satu pindaan di dalam undang-undang ini, kalau sekiranya agen-agen syarikat insurans itu telah memecat ataupun memberhentikan agennya itu patutlah diiklankan dalam surat-khabar supaya orang ramai tahu bahawa agen itu tidak lagi menjadi agen kepada syarikat itu. Kerana telah berlaku agen yang sudah biasa memungut duit syarikat, maka dia selalu pergi ke kampung-kampung dan berjalan sebagaimana biasa. Jadi saya haraplah pihak Kementerian berkenaan tolonglah teliti apa yang saya katakan ini.

Perkara yang lebih dahsyat lagi berlaku di kampung bukan sekadar itu, apakala policy syarikat itu dibacakan kepada orang kampung, maka dibaca perkara yang molek sahaja. Umpamanya, kalau sekiranya seorang itu masuk insurans ini maka apabila berlaku sesuatu kemalangan, seumpama, dia tergaris sedikit dia dapat terima bayaran sekian banyak, kalau dia dilanggar, sekian banyak dapat dan kalau sekiranya dia kena kebakaran sebegini pula bayarannya, dipermolekkan supaya orang-orang kampung masuk insurans itu. Jadi orang kampung yang terpengaruh itu apakala hendak masuk insurans disyorkan supaya masuk sekurang-kurangnya \$10,000. Katanya buat permulaan

bayarlah dahulu \$1,000, duit tak ada tak apa, boleh jual kambing, lembu dan sebagainya. Orang kampung kerana berkehendakkan pampasan itu dia jual kambing lembu bayar \$1,000 tetapi dia tidak tahu bagaimana hendak bayar kali kedua, ketiga dan keempat. Apakala dia tidak dapat bayar kali kedua, ketiga dan keempat, barulah susah, duit bayaran permulaan hangus sahaja. Itupun satu permainan dalam syarikat insurans yang boleh menjadi teraniaya kepada orang-orang jahil, khasnya di kampung-kampung.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pampasan kepada orang-orang yang berhak menerima kerana kemalangan yang biasanya berlaku ialah orang-orang yang terkena seumpama kemalangan bas dan sebagainya. Jadi orang ini sudah tentu dia berhak menerima pampasan sampai \$20,000-\$50,000 atau \$100,000 mengikut kemalangan yang dideritai. Apa yang berlaku ialah pihak kom-pani itu menghantar orangnya supaya kes itu tidak dibawa ke mahkamah dan tidak sampai ke mana-mana, orang dia dahulu dihantar kepada orang yang kena kemalangan itu. Di situ mengikut istilah di Pantai Timur di Trengganu dikatakan "kecek", dikeceknnya orang itu supaya menerima pampasan atau saguhati dengan harga \$1,000-\$2,000. Jadi dengan keadaan ini orang yang berhak menerima \$50,000 atau \$100,000 menerima pampasan hanya dengan \$1,000-\$2,000 sahaja dengan sebab kecek, dikecek oleh pihak kom-pani itu. Jadi, saya fikir kalau sekiranya pihak Kementerian ini boleh masukkan lagi satu syarat apalah salahnya, sekarang ini ada Biro Bantuan Guaman untuk menolong orang-orang yang susah, kalau sekiranya pampasan itu selesai di luar, dia buat pakatan penyelesaian dengan jalan bertolak ansur, kalau pampasan itu \$10,000 ke bawah, misalnya, hendaklah dan mestilah menerusi Biro Bantuan Guaman supaya dia tidak terkena aniaya seperti masa sekarang ini. Kalau lebih daripada itu barulah dia menerusi peguam dan sebagainya. Ada pun keadaan yang berlaku sekarang ini tidak begitu, pihak kom-pani itu menghantarkan orangnya kepada orang yang kena kemalangan itu dan di situlah berlaku yang saya katakan kecek, belit dan sebagainya. Maka orang-orang yang kena kemalangan terpaksa tandatangan di atas perjanjian itu. Terimalah dengan serta-merta, dia pun hulurkan duit \$1,000 merah-merah. Orang kampung tengok

duit merah-merah \$1,000 bukan main menggeletar tubuhnya, tak usah kira lainlah, terima sahaja.

Satu lagi yang saya hendak menarik perhatian berkaitan insurans perkapalan. Sudah menjadi adat di dalam dunia ini banyak tuannya kapal itu meregisterkan kapalnya kepada Kerajaan Panama dan tidak mahu dengan Kerajaan lain. Ini menunjukkan sistem insurans di Panama barangkali lebih menguntungkan pihak tuannya kapal itu. Jadi dengan sebab itulah banyak tuannya kapal di seluruh dunia pergi meregisterkan kapal di Panama. Sekarang ini apabila kita membuat Undang-undang Insurans ini adakah kita mengkaji undang-undang insurans di Panama ataupun tidak supaya kalau sekiranya perkara-perkara itu boleh kita mengambil contoh dan boleh kita mengambil tauladan kita ambil supaya tuannya kapal kita tidak lari dari Malaysia. Dengan adanya syarat-syarat yang terkandung dalam undang-undang itu patutlah masukkan dalam undang-undang kita juga. Kalau kita buat cara kita sahaja kita katakan insurans ini ala Malaysia sahaja dengan tidak pedulikan hak yang lain, maka barangkali pada masa yang akan datang kita tidak dapat hendak menahankan kapal-kapal kita daripada diregisterkan di Panama sebagaimana tuannya kapal yang lain meregisterkan di situ.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ulasan saya berkenaan perkara ini. Walau manapun saya menyokong dengan sebab pindaan ini adalah menguntungkan kepada pihak yang mengambil insurans.

4.28 *ptg.*

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan juga ada memberikan pandangan-pandangan bagi pertimbangan untuk pihak Kementerian Kewangan dan pihak Kerajaan.

Sebelum saya menyentuh perkara yang telah dibangkitkan izinkan saya memberi sedikit penerangan tentang kemusykilan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai soal fatwa mengenai insurans ini. Seperti yang telah saya terangkan di Dewan Rakyat tempoh hari, setakat ini belum ada lagi dikeluarkan fatwa

mengenai insurans sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat kebangsaan. Seperti yang kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini sama ada peringkat kebangsaan ataupun di negeri, untuk sesuatu perkara itu menjadi fatwa perlulah perkara itu dibawa mengikut beberapa procedures tertentu, misalnya, di peringkat negeri perkara ini mestilah diputuskan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri, kemudian dirujuk kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja dan seterusnya diperkenankan dan digezetkan. Di peringkat kebangsaan pula perkara itu untuk menjadi fatwa perlu dahulu diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa seterusnya dipersetujui oleh Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Ugama Islam dan kemudian perkara itu dibawa kepada Majlis Raja-Raja untuk persetujuan, kemudian dirujuk semula kepada Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Ugama Islam dan seterusnya digezetkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini perkara insuran belum lagi dibawa mengikut procedure-procedure fatwa seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad semalam telah membangkitkan bahawa belum berjaya lagi kita mengurangkan bilangan syarikat-syarikat insuran asing di negara ini. Biarlah saya terangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya proses penyusunan semula syarikat-syarikat insuran asing di negara kita ini bolehlah dianggap agak memuaskan dan sebenarnya semenjak tahun 1963 tidak ada syarikat-syarikat asing dilesenkan di negara ini.

Dan kita tahu bahawa setakat 1hb Jun, 1979 telah terdapat 22 cawangan-cawangan syarikat asing yang telah disusun semula dan 13 syarikat-syarikat asing telah disusun semula di negara ini. Jadi, ini dianggap sebagai satu aliran yang agaknya memuaskan dan diharap akan berterusan apabila syarikat syarikat asing yang ada belum disusun semula mendapati usahasama yang ada di negara kita ini untuk dijadikan joint venture.

Mengenai pampasan trajedi MAS yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad semalam, sebenarnya ada dua sumber pampasan. Satu terbit daripada MAS sendiri dan yang kedua ialah pampasan yang mungkin diberi oleh syarikat-syarikat insuran

swasta kepada waris-waris yang telah meninggal itu yang mana polisi-polisi diambil secara persendirian.

Mengenai pampasan daripada pihak MAS setakat ini 34 tawaran-tawaran telah dikemukakan, 21 tawaran telah diterima, 4 tawaran telahpun diselesaikan bayarannya. Dan dari segi pampasan daripada syarikat-syarikat insuran swasta, ianya sedang dalam berbagai-bagai peringkat penyelesaian; ada yang telah diselesaikan, ada yang sedang dalam rundingan dan ada juga yang telah menerima pampasan tetapi kerana maklumat ini terlalu detail tidaklah dapat saya berikan pada hari ini, kerana banyak syarikat-syarikat yang terlibat dan 100 orang yang telah mengalami kemalangan itu tetapi setakat ini penyelesaian sedang dibuat.

Mengenai Majlis Insuran ASEAN, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu majlis yang telahpun ditubuhkan dan telah ada bermesyuarat di Kuala Lumpur pada bulan Februari tahun ini yang mana Majlis ini cuba menentukan unsur-unsur penyelarasan industri insuran di dalam negara ASEAN khususnya untuk mencari titik-titik persamaan dalam mana boleh diwujudkan harmonisasi di dalam prektik dan juga perjalanan insuran di kalangan negara-negara ASEAN dan bolehlah dirumuskan bahawa Majlis Insuran ASEAN ini bertujuan untuk memperbanyakkan lagi kerjasama teknik di kalangan industri insuran di negara-negara ASEAN.

Mengenai penyertaan bumiputra dalam industri insuran, setakat 1hb Jun, 1979 dari segi pemegangan saham (equity) di dalam industri insuran keseluruhannya kaum bumiputra memegang 24.6% iaitu sebanyak \$27.8 juta dari segi pemegangan saham. Dari segi penyertaan dalam konteks pekerjaan (employment) dalam bidang professional, pentadbiran dan penyeliaan setakat 1hb Jun, 1979 bilangan bumiputra ialah 557 orang iaitu 27.9% dari jumlah pekerja dalam bidang itu. Dalam bidang perkeranian 1,909 ataupun 35.7% dalam bidang bukan perkeranian 465 iaitu 62.3% jadi itulah penyertaan bumiputra dalam dua aspek utama dalam industri insuran.

Mengenai Pusat Latihan Insuran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad yang meminta supaya Kementerian Kewangan membantu, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Pusat Latihan Insuran

ini adalah dibiayai sendiri oleh industri insuran yang mana syarikat-syarikat insuran memberi caruman iaitu minima \$2,500 maksimumnya \$8,000 dan dari pihak Kementerian Kewangan kami memberi segala bimbingan yang diperlukan untuk menyediakan apa juga kemudahan-kemudahan yang boleh diberi dari segi tenaga pengajar misalnya.

Juga tentang insuran untuk pekerja-pekerja ladang sama ada swasta atau Kerajaan, sebenarnya bagi pekerja-pekerja ini boleh dikatakan mereka telahpun tertakluk di bawah Sekim PERKESO ataupun SOCSO di mana mereka berhak mendapat pampasan atas kelonggaran-kelonggaran yang berlaku tetapi bagi sektor swasta terpujanglah kepada syarikat itu sendiri untuk mengambil sebagai group insurance ataupun insuran berkumpulan, ini bolehlah mereka ambil.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Khalid juga membangkitkan soal bahawa belum ada cukup kawalan tentang ejen-ejen dan juga di mana 3 buah perusahaan bumiputra di Kedah tidak dapat perlindungan (cover) insuran. Saya sendiri tidak mengetahui mengenai hal ini jikalau perkara ini berbangkit, saya harap dapatlah diberi maklumat kepada kami supaya disiasat mengapa tidak diberi perlindungan, kerana pada hakikatnya syarikat-syarikat insurans telah dilesenkan untuk memberi perlindungan sama ada perlindungan awam ataupun insuran nyawa. Sebenarnya insuran awam tidaklah boleh menolak mana-mana syarikat untuk memberi perlindungan begitu sahaja. Dan tentang tidak diberi perlindungan, saya tidak begitu memahami dengan tepat.

Saya tafsirkan dalam dua segi. Yang pertama, orang itu telah membayar premium tetapi apabila sesuatu berlaku syarikat menolak daripada membayar tuntutan kerana syarikat mengatakan dia tidak melindungi orang ini. Ini didapati ada berlaku di mana di masa-masa yang lepas syarikat-syarikat tidak melantik ejennya dengan cermat maka ejen-ejen yang boleh saya anggap sebagai separuh masak yang tidak begitu tahu tentang praktik insuran yang telah menerima premium daripada orang ramai, ada kalanya premium ini tidak dibayarinya kepada syarikat bahkan tidak disampaikannya maklumat mengenai polisi ini kepada syarikat maka syarikat dengan itu menolak apa tuntutan yang akan timbul kemudian hari.

Ada juga berlaku di mana oleh kerana jedamasa (interval) antara dia membayar premium dengan berlaku kelonggaran belum sempat wang atau premium itu dibayar ataupun belum sempat cover note diberi, kelonggaran berlaku, ada kalanya syarikat insuran juga menolak berbagai-bagai cara penolakan ini berlaku. Tetapi namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Seksyen 44 (a) ini maka dapatlah dijamin bahawa perkara ini tidak lagi berlaku kerana di bawah Seksyen 44 (a) seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bahawa jika ejen yang dilantik itu adalah ejen yang sah yang dilantik oleh syarikat insuran, apa juga premium yang telah diterimanya dianggap sebagai telah diterima oleh syarikat insurans sungguhpun belum disampaikan kepadanya. Apa juga resit yang dikeluarkannya maka dianggap sebagai resit oleh syarikat insurans. Dan kalau syarikat insuran itu menolak dakwaan bahawa ejen ini bukan dia melantikinya maka tanggungjawab terpujang kepada dia membuktikan bahawa dia sudah membuat segala urusan untuk memberitahu orang ramai yang dia tidak melantik orang ini.

Jadi, serentak dengan ini pihak Kementerian Kewangan sedang meminta industri insuran untuk menyediakan dengan lengkap dan teliti syarat-syarat ataupun rangka susunan perlantikan ejen-ejen oleh semua syarikat-syarikat insurans iaitu hendaklah syarikat-syarikat insurans sekarang ini sambil kita hendak meluluskan undang-undang ini, mereka menentukan apakah bentuk ejen yang yang dianggap sebagai ejen yang sah, apakah syarat-syarat yang mereka kehendaki daripada ejen yang dianggap sebagai ejen yang sah, apakah tanda-tanda seperti kad pengenalan atau surat-surat pengesahan yang mesti mereka bawa dan lain-lain syarat yang berkaitan dengannya dan semua ini adalah dikehendaki oleh pihak Kementerian Kewangan daripada syarikat-syarikat insurans untuk diumumkan kepada orang ramai melalui saluran-saluran pengetahuan dan pengumuman yang ada. Jadi, kalau sudah diumumkan kepada orang ramai inilah tata caranya mengenal ejen-ejen yang sah, orang ramai pun tahu maka apabila ini dikuatkuasakan maka dapatlah kita mengelakkan daripada orang-orang yang mengaku dirinya ejen dan menipu orang ramai syarikat pun tidak tahu yang kita boleh elakkan perkara ini berlaku. Jadi, industri insurans sedang

digesa untuk mempercepatkan proses penyediaan maklumat-maklumat perlantikan ejen ini.

Tentang cadangan Yang Berhormat Senator Haji Khalid supaya Menteri Kewangan menyimpan list dan mengemukakan di masa hadapan list ini, beberapa daripada orang-orang ini yang tuntutannya dielakkan bayar oleh syarikat insurans, saya rasa ini tidaklah dapat dipraktikkan kerana setakat masa ini ada lebih kurang $\frac{1}{2}$ juta bilangan polisi-polisi yang sedang berkuatkuasa dan tidaklah praktik bagi pihak Kementerian untuk mengesan (keep track) satu persatu claim akibat daripada polisi ini.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi iaitu bukannya syarikat-syarikat insurans ini menolak daripada melindungi tetapi mereka telah mahir di dalam mana selalu berbangkit claim, di sinilah mereka potong clause itu. Jadi yang tinggal clause itu yang "impossible to claim", benda yang jarang berlaku. Jadi dengan kerana ini pemegang-pemegang polisi telah tertipu. Oleh sebab itu saya mencadangkan bukan saya hendak suruh registerkan semua polisi, tetapi yang tidak dibayar yang menjadi pertelingkahan di antara pemegang polisi dengan syarikat insurans patutlah dirujuk kepada Kementerian ini. Kalau didapati sengaja syarikat-syarikat ini memutar-belitkan clause-clause ini, patutlah mereka disenaraikan di dalam jumlah syarikat-syarikat insurans yang tidak dikehendaki.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Terima kasih. Sebenarnya pihak Kementerian Kewangan ada menerima dari masa ke semasa banyak maklumat mengenai syarikat-syarikat yang nampaknya cuba mengelak daripada membayar tuntutan-tuntutan seperti yang berhak diterima oleh pemegang polisi atau yang mana interpretasi-interpretasi clause-clause tertentu itu diberi interpretasi yang lain sedikit oleh syarikat insurans daripada apa yang difaham oleh yang membayar polisi atau pemegang polisi. Kami dapat maklumat. Tetapi senarai lengkap hanya dapat diperolehi kalau mereka yang menghadapi kesulitan ini dapat melaporkan. Inilah yang penting, kalau kami dapat laporan maka boleh diketahui syarikat mana yang kerap kali mengelak atau kerap kali yang memakan masa yang begitu lama untuk memberi interpretasi kepada clause-clause yang ada dalam polisi insurans.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya menyatakan dalam polisi-polisi insurans, dalam perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara seseorang itu dengan syarikat insurans kerap kali ada timbul apa yang dipanggil clause-clause pengecualian (exemption clauses) di mana sesuatu syarikat insurans itu mengatakan bahawa dia akan membayar tuntutan jikalau *a*, *b*, *c* dan *d* dan (*e*) dikecualikan dan ini berlaku dari syarikat ke syarikat mengikut praktik perjalanan syarikat masing-masing dan saya menasihati orang-orang yang mengambil polisi insurans supaya meneliti dengan tepat tiap-tiap perjanjian insurans yang kita buat antara kita dengan syarikat terutama untuk memerhati exemption clauses ini seperti saya katakan dalam Dewan yang mulia ini tempoh hari dalam menggulung budget dahulu bahawa kadang-kadang ada clause-clause pengecualian seperti dia tidak membayar pampasan kalau kita mati dalam masa main bola misalnya, kita mati dalam masa kita duduk dalam kapal, motorboat atau dalam masa kita main ski, ada exemption clauses ini. Kadang-kadang kita tidak perasan. Sebagai pembeli, kita mengharapkan daripada ejen, apa dikatakan oleh ejen sahaja seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim tadi dan kita tidak meneliti. Jadi ini terpulang kepada tanggungjawab kita sebagai pemegang insurans, pembeli insurans itu meneliti apakah tanggungjawab penginsuran itu terhadap kita kerana mungkin ada disematkan exemption clauses ini dan kita sendiri pun menerima dan menandatangani dan mengiktiraf clauses itu. Kalau kita sudah tandatangani maka sudah tiada lagi hak kita menuntut kerana kita tahu dari awal kita tidak akan dilindungi, tidak akan diberi pampasan kalau misalnya kita mati tengah naik motorboat, kalau itu dianggap sebagai satu pengecualian di dalam polisi tersebut.

Kedua-dua pihak mestilah menjalankan peranan, tetapi saya mengambil perhatianlah tentang perkara syarikat-syarikat insurans yang cuba mengelakkan tadi. Kami ada maklumat-maklumat aduan di mana jika dapat kami selesaikan dibantu oleh Kementerian terutama Jabatan Penginsuran.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik membangkitkan soal bahawa syarikat asing mestilah memberi 5% daripada saham kepada orang tempatan terutama Bumiputra jikalau hendak diberi lesen. Ini mungkin Ahli Yang Berhormat itu menyatakan lesen broker dan

sebagainya kerana lesen insurans kita tidak ada memberi lesen insurans kepada syarikat asing, semenjak tahun 1963.

Mengenai pelesenan broker dan sebagainya yang melibatkan orang asing dengan orang tempatan, ini adalah mengikut Dasar Ekonomi Baru dan lebih penting jika berdasarkan kepada syarat-syarat usahasama seperti yang ada dikenakan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee) misalnya dan begitu juga kita mengesan peratusan penyertaan Bumiputra dan orang tempatan Malaysia mengikut keadaan-keadaan tertentu dan ini adalah diberi perhatian yang berat oleh Kementerian, tidaklah dilesenkan sewenang-wenang sahaja. Orang asing ini kalau didapati mereka boleh mendapat penyertaan yang majoriti daripada orang tempatan khususnya Bumiputra.

Tentang soalan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik sama ada kapal-kapal yang diregister di luar negeri termasuk dalam undang-undang ini. Tidak hanya untuk kapal-kapal laut dan udara yang didaftarkan di Malaysia sahaja.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud tadi mengenai kalau kapal di register di Panama kerana insuransnya tinggi ataupun lain-lain tidaklah begitu. Mereka mendaftar di Panama kerana lain-lain sebab, tidak kena mengena dengan sebab insurans sebenarnya.

Yang Berhormat Senator Razak membangkitkan soal sama ada Kementerian sedar yang ada driver bas sekolah menerima bayaran-bayaran untuk kanak-kanak sekolah untuk insurans \$2 seorang tidak diberi resit. Kami sedar bahawa ini dibuat iaitu mengambil insurans secara kumpulan (group insurance) di kalangan budak-budak sekolah tetapi tentang tidak memberi resit ini saya sendiri tidak dapat tahu dan diharap ini akan dapat dikemukakan supaya dapat kami siasat dan saya percaya peranan guru-guru dan guru-guru besar sekolah adalah penting dalam perkara ini kerana ini melibatkan anak murid mereka dan harus dikesan tentang pembayaran wang premium dan penermaan resit ini.

Tentang post-mortem tadi seperti kata Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah dalam bidang insurans tetapi syarikat insurans biasanya memerlukan post-mortem dibuat untuk memastikan orang itu meninggal akibat ke-

malangan, tidak akibat lain-lain. Jadi kalau dapat disahkan oleh doktor bahawa dia meninggal akibat kemalangan maka tuntutan bolehlah dibayar, kalau akibat lain maka tidaklah terlibat dalam polisi itu. Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim tadi tentang menggunakan kaki ejen dan juga ejen mengecek dan sebagainya, itulah sebabnya dikemukakan pindaan kepada Undang-undang ini untuk memperketatkan lagi syarat-syarat mengenai tanggungjawab syarikat (company) kepada pemegang polisi supaya tidaklah dapat orang-orang yang dianggap sebagai ejen itu mengelak atau mempertanggungjawabkan syarikat-syarikat kepada perkara-perkara yang syarikat sendiri tidak mengetahui dan ini bertujuan juga untuk memberi jaminan yang lebih kepada pemegang polisi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ejen memberi maklumat yang baik sahaja, ini memang diakui. Masa ini masih ada juga ejen-ejen syarikat-syarikat insurans yang tidak memberi maklumat penuh kepada pemegang polisi atau bakal pemegang polisi dan kadangkadang itu tidak memberi maklumat seluruhnya tentang implikasi satu-satu polisi yang diambil bahkan ia memberi ceramah 5 hingga 10 minit sahaja kemudian itu kita pun sains, ini memang diakui. Itulah sebabnya pihak Kementerian Kewangan selalu mendesak syarikat-syarikat insurans supaya meneliti perkara ini dan mempertingkatkan mutu dan kecckapan ejen-ejen mereka supaya ejen-ejen yang dilantik kelak di bawah kuatkuasa pindaan baharu ini adalah ejen yang betul-betul boleh berkhidmat bagi pihak pemegang polisi dan bagi pihak syarikat yang tahu selok belok insurans tidak hanya setakat menyatakan bayar \$1,000 dapat \$10,000 dan seterusnya. Jadi inilah satu perkara yang mesti dirumuskan oleh industri pada masa ini dan Kementerian Kewangan memang mengambil berat.

Tentang soal kecek dan pujuk tadi, kalau ini didapati berlaku saya mintalah pihak Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim supaya mengemukakan maklumat-maklumat ini, kerana jika eksploitasi begini dibuat oleh syarikat-syarikat insurans atau ejen-ejen mereka ini memanglah tidak direstui oleh pihak Kementerian Kewangan.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini dan menyokong Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.52 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bagi Meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 iaitu memasukkan Seksyen baru 14A kepada Seksyen 14; meminda Seksyen-seksyen 60, 61, 62, 69, 70, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 83, 89, 93 dan 94, dan akhir sekali meminda Seksyen 90 dan memasukkan Seksyen baru 90A, 90B dan 90C.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Pejabat Pos 1947 yang ada sekarang ini tidak ada sebarang peruntukan yang memberi kuasa

kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Perkhidmatan Pos untuk mengambil tindakan tertentu mengenai kelancaran perjalanan sistem perkhidmatan pos bila mana keadaan kecemasan atau darurat berlaku.

Oleh itu, Akta Pejabat Pos 1947 yang ada sekarang ini perlulah dipinda bagi membolehkan Menteri yang bertanggungjawab menggunakan kuasanya mengambil sebarang langkah yang munasabah dalam menentukan tugas penghantaran mel berjalan terus walaupun berlaku keadaan-keadaan kecemasan yang boleh mengancam perkhidmatan pos, seperti mogok, ataupun piket oleh mana-mana pihak secara berpanjangan. Sungguhpun sehingga hari ini perkhidmatan Pos di negara kita tetap berjalan lancar dan memuaskan, namun peristiwa-peristiwa yang berlaku di beberapa negara lain memberi ingatan kepada kita untuk mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan bahaya yang serupa akan berlaku yang boleh mengakibatkan kesusahan kepada rakyat. Oleh yang demikian satu Seksyen baru 14A adalah dicadang untuk dimasukkan ke dalam Akta ini.

Seksyen baru ini adalah bertujuan memberikan kuasa kepada Menteri berkenaan mengisytiharkan pengeneapan sementara akan keistimewaan eksklusif Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pos, dan membolehkan Menteri berkenaan menggunakan kuasanya apabila keadaan benar-benar memerlukan. Dengan adanya seksyen baru 14A maka Jabatan Perkhidmatan Pos akan lebih bersedia menghadapi sebarang keadaan yang mungkin mengancam perkhidmatannya. Satu perkara penting yang saya ingin tegaskan di dalam Dewan ini, berhubung dengan seksyen tambahan ini, iaitu mana-mana pihak tidak perlu merasa bimbang. Kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah seksyen baru 14A itu tidak akan digunakan sewenang-wenangnya. Kuasa tersebut hanya akan digunakan sekiranya keadaan benar-benar memaksa dan tidak ada jalan lain lagi.

Rang Undang-undang ini juga meminda seksyen-seksyen yang disebut tadi untuk menaikkan kadar denda yang boleh dikenakan ke atas satu-satu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pejabat Pos 1947, sebanyak 4 kali ganda. Kadar-kadar denda yang ada sekarang adalah kadar yang ditetapkan 32 tahun yang lalu. Oleh itu, pindaan

adalah diperlui supaya kadarnya tidak ketinggalan zaman. Di samping itu ia juga akan menjadi satu penghalang yang berkesan dan mengurangkan minat mana-mana pihak, baik kakitangan Jabatan Pos atau orang-orang awam, untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta Pejabat Pos, 1947.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan tadi bahawa Rang Undang-undang ini juga akan meminda seksyen 90 dengan memasukkan seksyen-seksyen baru 90A, 90B dan 90C.

Di bawah seksyen 90 dan 92 Akta Pejabat Pos 1947, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah namun demikian kebanyakan kes pihak Jabatan Pos telah juga meminta kerjasama dan bantuan dari Polis di-Raja Malaysia. Pihak Polis telah memberikan kerjasama yang baik sekali. Baru-baru ini, Kementerian saya dimaklumkan bahawa oleh kerana sesuatu sebab yang tak dapat dielakkan, pihak Polis akan mengurangkan penglibatan mereka dalam menguatkuasakan undang-undang yang memberi kuasa tangkapan dan pendakwaan terhadap pesalah-pesalah Pos. Untuk mengatasi masalah ini pindaan perlulah dibuat kepada seksyen 90 dengan memberi kuasa yang lebih kepada lebih ramai kakitangan, dari yang berpangkat Penolong Penguasa ke atas dan menambah seksyen-seksyen baru 90A, 90B dan 90C, juga dengan tujuan memberi kuasa tambahan kepada lebih ramai pegawai Jabatan Pos menjalankan tugas mereka bukan sahaja menangkap tanpa waran, mendakwa, malah membuat penyiasatan yang lebih berkesan atas kes-kes jenayah yang berlaku terhadap Akta Pejabat Pos, 1947.

Kita berharap dengan pindaan-pindaan ini akan memberikan sumbangan yang berkesan mengisi hasrat Kerajaan supaya setiap kakitangan memberi perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat seluruhnya secara penuh kejujuran, disiplin, dedikasi dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama

suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.18 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos tahun 1947.

Pertama sekali saya sangat berbesar hati dan rakyat berterima kasih dengan adanya pindaan-pindaan ini kerana kuasa-kuasa tertentu dapat diberikan kepada Menteri yang berkenaan.

Kedua, dapat mengkikis dan meminda undang-undang yang telah berjalan sejak zaman penjajahan dahulu, maka dengan adanya pindaan ini digantikan dengan satu pindaan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Pejabat Pos ini satu perkhidmatan yang baik, yang suci dan dengan ini dapat memberikan kemudahan yang sangat besar kepada orang-orang awam khususnya kepada masyarakat luar bandar yang pada ketika dahulu kurang menggunakan perkhidmatan ini.

Perkhidmatan Pejabat Pos ini, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dikatakan satu khidmat yang memberikan kebajikan dan faedah kepada orang awam sama ada berupa arahan, perintah dan juga perkhabaran-perkhabaran biasa. Kejadian-kejadian ini akan juga menyenangkan kepada pihak Kerajaan sebab kalau Kerajaan hendak menghantar Register A.R. kepada seseorang sudah tentu surat yang dihantar oleh Jabatan-jabatan atau orang yang berkenaan sampai kepada pihak yang ditujukan itu.

Saya sangat ragu dalam masalah Rang Undang-undang ini. Mungkin satu ketika atau ada dalam rancangan pekerja-pekerja Pejabat Pos kita dalam tanahair ini akan mengadakan satu tindakan mogok ataupun tindakan kerja perlahan sebab mereka ini sekiranya datang sesuatu keadaan yang tidak memberikan puashati atas khidmat yang telah diberi dengan bayaran yang telah diberi atau layanan yang telah diberi oleh Kerajaan, melalui Kesatuan Sekerja mereka akan menggunakan tindakan mogok ataupun menggunakan tindakan kerja perlahan-lahan. Sekiranya

kejadian ini berlaku maka akan terbengkalai-lah pertama sekali urusan-urusan Kerajaan dan juga khidmatnya yang hendak diberikan kepada orang ramai, dan yang lebih menguntungkan ialah kalau jadi kejadian mogok ini pihak musuh-musuh negara.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah memberikan satu gambaran mungkin terjadi sebagaimana yang terjadi di England suratnya berlapuk-lapuk tidak dapat dihantar kerana pegawai-pegawai posmennya mogok, mungkin juga jadi dalam tanahair kita ini. Sebelum daripada hujan kita sediakanlah payong. Jadi Rang Undang-undang ini menggunakan payong itu untuk hujan yang akan menimpa Jabatan Pos tetapi rakyat hendak tahu juga.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri itu tidak dibuat dengan sewenang-sewenang, kita patuh ikrar, ketegasan ini tetapi jangan sampai satu ketika kelak dengan satu-satu masalah yang tidak menasabah, masalah-masalah yang belum sampai masanya. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini, bukan Menteri yang ada tetapi Menteri yang ada dalam peruntukan Rang Undang-undang ini hendak mencuba kuatkuasanya. Maka pada ketika itu kuasa yang digunakan dia kata tidak sewenang-wenang, dia cuba hendak menggunakan kuasa yang ada padanya, yang akan jadi mangsa bukan sahaja kakitangan di bawah Jabatan Pejabat Pos. Saya mengharapkan sampai setakat mana rupanya baru Menteri ini boleh menggunakan kuasanya dan kalau takdirnya keadaan ini sangat genting siapa pula yang hendak diharapkan oleh Kementerian ini menyampaikan khidmat pos ini kepada orang ramai, sama ada menggunakan Polis, Askar ataupun Jabatan-jabatan yang lain. Ini satu soalan yang patut difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri waktu keadaan ini sampai kelak.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, bila masa bercakap kuasa ada pada Yang Berhormat Menteri boleh menangkap, diberi pula kuasa ini kepada pegawai-pegawai Pejabat Pos boleh menangkap, boleh menyiasat tanpa waran, kuasa yang diberi oleh Rang Undang-undang ini juga hendaklah digunakan dengan adil dan saksama. Sekiranya berlaku satu khianatan, berlaku satu keaniayaan, berlaku rasa tidak puashati dari pegawai yang diberi kuasa ini kepada pegawai-pegawai bawahnya

bukan sahaja boleh menyelesaikan masalah kekosotan di Pejabat Pos itu, tetapi akan menambahkan lagi. Ini juga hendaklah diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri kepada pegawai-pegawai yang diberikan kuasa ini supaya benar-benar mereka dapat menjalankan kerja dengan jujur demi kepentingan khidmat pos kepada orang ramai. Sebab ada kalanya pegawai-pegawai ini sudah lama dia taruh hati kepada orang bawahnya dan orang bawah juga ada taruh hati kepada pegawai itu, jadi keadaan rasa tak puashati di kalangan pegawai peringkat atas, peringkat tengah dan peringkat bawah itu ada terpendam. Dengan sebab itulah satu tindakan tukar-menukarpun dibuat, perasaan tidak puashati daripada peringkat atasan tadi dia ada kuasa yang diberi oleh Rang Undang-undang ini, tatkala itulah dia akan menggunakan kuasa ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri bila mana hendak memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai yang berkenaan ini hendaklah mengkaji dengan seluas-luasnya, dengan sehalusnya; kalau tidak, saya fikir satu peristiwa yang berlaku itu tidak akan dapat dilicinkan, tetapi akan menambahkan lagi kekosotan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam perkara penghantar surat-surat kepada orang ramai ini dan juga pegawai-pegawai yang ada di Pejabat Pos di setengah-setengah daerah. Menurut pandangan saya ada juga pegawai-pegawai lagi yang belum menurut panduan ethika kita ini, mereka tidak berjalan dengan jujur, ikhlas dan amanah.

Ini patut kita betulkan sebab yang datang hendak beli stem hendak berurus daftar, sama ada surat atau menghantar barang itu kadangkala orang daripada luar bandar. Bila setengah-setengah sifat pegawai ini melakukan sifat angkuhnya sifat kasarnya terhadap orang ramai maka keadaan ini boleh orang membuatkan satu analisa bahawa Pejabat Pos ini masih menggunakan sifat-sifat yang kasar walau yang melakukan itu bukan semua.

Pernah saya pergi ke Pejabat Pos dengan keadaan yang orang tak tahu saya ini Senator tetapi dibiarkannya. Datang satu orang kampung hendak beli stem, dia pun tak tahu fasal berbaris, rupanya beli stem itu kena berbaris juga. Jadi satu hamba Allah dari kampung itu terus hendak beli stem, pegawai itu kata; "Awak tak tahu aturan, awak tunggu belakang". Dia kata; "Saya ini datang

dari kampung, saya hendak balik deras, saya hendakkan stem ini. Pegawai itu menambah kata; "Tidak boleh, ini aturan". Apa salahnya kalau betul alasan orang kampung yang datang jauh ini jualkan stem 15 sen itu dan suruh dia poskan, dia balik, tak adalah dia bersungut mengatakan pegawai itu bersikap kasar terhadapnya. Jadi peraturan yang tidak bertolak-ansur ini kena kita khabarkan kepada pegawai kita dan layanan orang kampung itu bukan macam orang bandar. Kadang-kadang mereka bawa basikal, pada basikalnya itu ada beras, ada ikan, dia sangkutkan basikalnya singgah di Pejabat Pos hendak beli stem atau hendak register surat dia hendakkan segera. Jadi keadaan-keadaan yang macam ini kena kita fahamkan kepada pegawai itu supaya pandangan orang ramai, pandangan rakyat kepada Pejabat Pos itu dapat satu pandangan yang baik sebab Kerajaan juga melalui stem yang tak ada duit itu jadi duit.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berlaku kepada orang-orang awam, orang ramai membuat register duit kepada keluarganya tetapi malangnya dia tulis surat gunakan stem 15 sen, dia tanya emaknya; "Sudahkah ibu terima wang yang Mohamad pos registerkan sebanyak \$30 itu? Kata ibunya: "Tak ada". Jadi keadaan ini juga berlaku di Pejabat Pos, ada setengah-setengah pegawai yang menyelewangkan wang hantaran register daripada orang ramai kepada orang yang berkenaan. Masalah ini betul ada diambil tindakan dan kuatkuasanya ada, boleh ditangkap pegawai itu, tetapi kalau tidak diberikan satu peraturan atau kaedah-kaedah yang tertentu supaya kejadian ini tidak dapat berleluasa, digunakan wang orang itu dengan sewenang-wenangnyanya maka perkara ini juga akan menyusahkan rakyat, akan menyentuh nama baik Pejabat Pos terutama sekali Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ini seorang yang muda, kita mahu nama beliau itu biarlah baik-baik. Jadi itu satu perkara yang saya fikir patut diperhatikan oleh Kementerian ini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, posmen kita ini diberi satu pakaian (uniform) kerana menghantar surat, menghantar surat menggunakan basikal dengan memakai uniform molek. Saya tidak faham, boleh jadi baju yang diberi itu percuma, tentunya percuma saya ingat, barangkali satu tahun dua pasang tetapi baju yang diberi kepada mereka itu bajunya tebal sangat, sampai meliluh peluh hamba Allah itu mengayuh basikalnya hendak menyampaikan suratnya ke

kampung. Cuba kita kaji balik baju yang hendak diberikan kepada posmen-posmen kita itu biarlah baju yang sesuai dengan iklim negara ini. Kalau dapat baju yang nipis sedikit, kena pakai baju yang tebal itu mengganggu kesihatan.

Yang anihnya pula diberi topi kepada posman ini. Malangnya topi itu tidak ubah kalau tidak salah ingatan saya seperti bucu lima Bintang Tiga. Sekali imbas pandang molek, kepada Pejabat Pos topi itu memang molek dipakai, tetapi kalau sekali pandang ia naik motosikal laju macam bucu tiga lalu. Sebab Bintang Tiga dahulu dia pakai bucu lima. Cuba difikirkan dan dikaji balik topi yang diberi kepada Pejabat Pos itu, kalau boleh pakai terendak yang besar-besar kalau tujuannya hendak menghalang panas. Terendak banyak, kita boleh buat, gunakan dia daripada topi yang diberi seperti yang saya katakan tadi menyerupai bucu tiga, sekali imbas macam topi bucu lima.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal posmen ini juga ada posmen yang dapat basikal, ada posmen yang dapat motosikal. Yang dapat motosikal inipun diarahkan dia menghantar surat yang jauh sampai 18 batu. Motosikal ini jenteranya selalu rosak. Bila rosak motosikal ini hendak dibaiki. Posmen ini tidak boleh membaikinya, kenalah masuk workshop, minta kebenaran daripada Ketua Pos boleh atau tidak dibaiki, berapa lama dapat wang, jadi kira-kira motosikal itu sampai seminggu, sebulan baru boleh dibaiki. Selama motosikal itu tidak baik selama itu surat yang hendak dihantar ke kampung yang jauh itu tidak sampai. Orang kampung tanya mengapa? Motosikal posmen sudah rosak. Apa salahnya diberikan kuasa kepada Ketua Pejabat Pos di tempat itu menghantar kepada mana-mana bengkel di daerah itu supaya dapat dibaiki dengan segera tetapi jangan tiap-tiap minggu pula kita baiki. Ini satu masalah dan diberi motosikal yang ada bermutu, jangan motosikal yang second hand diberi. Inipun satu masalah.

Termasuklah juga menghantarkan pos melalui sungai selalu tergendala, lambat dan kadang-kadang motobot rosak surat tidak sampai. Ini juga kita kena beri perhatian, walaupun kita ada kuasa. Kadangkala surat-surat orang ini sudah habis majlis itu surat baru sampai. Orang ini bukan salahkan posman, mereka salahkan Pejabat Pos, dia menjemput kerja kahwin 10 haribulan dahulu, surat sampai 15 haribulan, sudah

habis kerja kahwin, orang sudah mandi sarbat baru dapat surat. Ini salah siapa, sebab orang ramai hendak gunakan khidmat pos. Khidmat pos itu tidak boleh memberi kebajikan kepadanya. Sepatutnya dahulu dia ada sumbangan, hendak memberi sumbangan sudah tidak jadi. Ini juga patut diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan.

Pejabat Pos ini yang saya ingat ada wakil posnya yang saya dengar. Di kampung-kampung dihantar wakil pos. Wakil pos ini dapat satu surat diwakilkannya pula. Ia tidak dapat hendak menghantar ke kampung. Ia tengok Ketua Kampungnya ada, Ketua Kampung itu datang ia kirim. Satu ikat Ketua Kampung ini bawa surat anak buahnya di situ, dia tengok anak buah mana yang simpati dengan dia dan mana yang tidak simpati dengan dia tinggallah di masjid, tinggalkan di rumah Ketua Kampung, kalau hendak surat datang ke rumah Ketua Kampung. Keadaan sistem yang semacam ini juga patut kita fikirkan walaupun usaha ini dibuat oleh wakil-wakil pos kita, tetapi ada menyentuh kesucian dan kebajikan pembangunan kita dan kalau boleh wakil-wakil pos ini cuba ditimbangan pemberian kepada mereka itu yang adil, yang difikir patut sebab kalau dengan keadaan potongan-potongan yang ada sekarang komisyen yang diberi pada masa sekarang ataupun sagu hati yang diberi pada masa sekarang menurut hemah saya tidak begitu mencukupi. Jadi kita boleh sesuaikan. Kalau kawasan ini ramai penduduknya kita bagikan elaunnya lebih sedikit, kalau kawasan ini rendah kita kurangkan sedikit. Jadi jangan pukul sama rata sahaja.

Keadaan ini khidmat-khidmat kita, kita lantik dia menjadi wakil pos, dia pula diberi satu kuasa boleh menerima surat-surat register. Ini satu perkara yang sangat molek.

Satu perkara lagi Pejabat Pos ini ada datang ke kampung-kampung. Ini juga satu masalah. Selalu dia mungkir janji. Mengikut jadualnya dia datang seminggu dua kali tetapi kadangkala seminggu sekali sahaja dia datang. Keadaan-keadaan yang seperti ini juga saya fikir patut diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan.

Akhirnya dalam Rang Undang-undang ini ada menyebutkan iaitu pengangkutan surat-surat dan poskad-poskad melalui Pejabat Pos. Poskad inipun satu masalah yang dihadapi, bermacam-macam sungutan dan kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai. Sekarang orang ramai telah mengubah tradisi mereka.

Dahulu kalau Selamat Hari Raya dengan tulis surat sahaja boleh, sekarang hendak ikut cara moden digunakan poskad. Bila menggunakan poskad ini dengan tujuan kerana memberi kehormatan dan keselamatan ucap Hari Raya antara seorang dengan seorang. Ini digunakan bukan sahaja oleh masyarakat Islam bukan Islam pun menggunakan.

Pada masa sekarang menggunakan Selamat Hari Raya itu melalui poskad. Apa yang saya hendak beritahu Dewan ini bahawa hendaklah diperhatikan oleh Kementerian ini bahawa poskad-poskad itu biarlah benar-benar bercorak hendak memberi Selamat Hari Raya, jangan dikirirkan dalam poskad itu dengan bercorak gambar yang lucu-lucah, kata-kata yang lucu-lucah. Kadang-kadang bila kita tengok poskad Hari Raya terutama sekali muda-mudi kita mereka gunakan gambar-gambar lucu. Itu menarik kata mereka, setahun sekali apa salahnya kita kirim kad Hari Raya. Sekali kita terima gambar orang itu tidak ada baju dan kata-kata dalam kad Hari Raya itu kata-kata yang lucu, yang tidak sesuai dengan tujuan kita hendak menghantar kad itu. Ini bukan salah Pejabat Pos, ini salah percetakan. Percetakan itu hendak cari wang banyak, hendak melariskan perniagaannya, buat satu tarikan kepada orang ramai, macam-macam kata-kata yang berupa lucu, kata-kata yang berupa menaikkan nafsu, gambar-gambar yang begitu, jadi dengan tujuan begitu orang yang hendak memberi ini tertarik dengan gambar-gambar, dengan kata-kata itu. Jadi, saya harap di masa akan datang pejabat pos ini tolong nasihatkan pencetak-pencetak poskad-poskad itu, kalau boleh diharamkan, kata-kata lucu, gambar-gambar lucu jangan digunakan kepada kad selamat Hari Raya sama ada kepada orang Islam dan juga kepada orang-orang bukan Islam, selamat Tahun Baru, selamat Deepavali dan sebagainya. Jadi keadaan ini saya fikir ada menyentuh kesuciaan negara kita sebab dahulu tak berlaku perkara ini tetapi apabila Malaysia sudah moden, sudah banyak orang cerdik pandai dan sudah banyak orang terpelajar, timbul pula kad Hari Raya dengan keadaan macam ini. Bukan pelajarannya suruh buat begitu, mereka ini terpesona dengan kebudayaan-kebudayaan kuning yang dihantar oleh negara luar yang hendak meracuni kebudayaan kita yang suci murni itu.

Bercakap dalam poskad ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab poskad ini satu kegemaran rakyat menggunakannya pejabat pos kita dapat hasil banyak. Apa salahnya jangan dikenakan setem 10 sen, kenakan 5 sen sahaja cukup. Jadi Pejabat Pos pun memberi kehormatan pada Hari Raya. Jadi kalau kita kenakan setem 5 sen itu akan bertambah lagi banyak orang menghantar kad Hari Raya, Pejabat Pos tak rugi kalau diturunkan. Sedangkan ada pula surat yang pejabat pos percumakan, contohnya, Wakil Rakyat, dia cap Wakil Rakyat sahaja sudah percuma—tetapi ada Ahli Yang Berhormat kata tak boleh gunakan—itu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta itu sahaja, cuba pertimbangkan setem kad Hari Raya itu, tak usahlah kenakan setem 10 sen, kenakan 5 sen sama ada Hari Raya Haji, Hari Raya Puasa, Deepavali, Tahun Baru China dan sebagainya. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang ini.

5.42 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sambil saya menyokong saya memuji Pejabat Pos ini, kerana saya tahu posmen-posmen ini, bukan senang kerjanya. Kita pandang dia pakai baju, dia naik basikal, dia ada uniform dan ada songkok bucu tiga seperti kata Datuk Haji Ahmad Arshad, kita fikir senang kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan ini adalah pekerjaan yang susah yang dijalankan setiap hari. Posmen-posmen itu mesti tahu tiap-tiap rumah dalam kawasannya. Itu yang kita hairankan mereka boleh tengok tiap-tiap rumah di mana hendak dihantar surat itu dan jarang-jarang silap rumah yang dituju oleh mereka itu. Jadi ini dengan latihan yang cukup diberi dan juga pengajaran-pengajaran yang barangkali semangatnya yang elok, maka mereka ini telah menghantarkan surat dari satu rumah kesatu rumah. Ada barangkali poskad seperti kata Datuk Haji Ahmad Arshad poskad lucu, barangkali gambar yang elok-elok diambil pula oleh posmen itu, dia framekan dan letak di rumahnya, itu lain hallah. Tetapi surat-surat itu sampai dengan elok.

Saya hendak sentuh Rang Undang-undang ini di bawah Seksyen 14A baru. Ini ialah satu perkara yang saya puji diadakan kerana kita

telah belajar daripada mogok MAS baru-baru ini. Mula-mula kita fikir tak menjadi apa hal, ini perkara biasa sahaja, tiba masanya maka dia menjadi satu perkara yang besar. Saya ingatkan kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu apabila ada mogok dan perbalahan supaya jangan Menteri lain yang tidak berkenaan jangan masuk campur, jangan diberi orang luar masuk campur akan hancur nanti. Ada Menteri mengatakan tak usah kapal terbang berjalan, ada yang mengatakan terbanglah dan sebagainya akhirnya tersadai kapal terbang kita di sana-sini. Begitu juga Pejabat Pos jika ada mogok, maka dengan sebab itu Undang-undang ini dipinda. Menteri ada kuasa, tetapi mestilah difikirkan walaupun apa kuasa ada di tangan Menteri berkenaan, jika orang mogok, terus mogok, dua tiga minggu mogok surat-surat tak berjalan negeri ini nanti huruhara juga. Dengan sebab itu sebelum kuasa ini hendak dijalankan dan Menteri memang ada kuasa. Menteri boleh buat apa sahaja, maka mestilah kita kaji gaji posmen ini, pekerja-pekerja seperti posmen ini cukupkah gajinya atau tidak. Pada hari ini mereka telah berkhidmat untuk negara menjalankan tugas kita semua, cukupkah atau tidak gajinya, masa hujan, ribut, taufan dan panas dia terpaksa berjalan menghantar surat-surat kita. Kalau tidak orang lain marah kalau tak sampai suratnya dan tak sampai registernya. Dia menjalankan satu kerja yang betul-betul bertanggungjawab, maka gajinya pun mestilah sepadan dengan tanggungjawabnya itu. Kalau dibandingkan dengan pekerja buruh Town Board tak betul oleh kerana buruh Town Board dia tebas-tebas, lepas itu boleh duduk, tetapi posmen ini dia mesti habiskan surat itu. Jadi, mesti dikaji di atas perkara ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, posmen menaiki basikal, saya tak tahulah ada elaun basikal atau tidak, tetapi kita tengok mereka berjalan berbatu-batu. Mereka manusia biasa, dia hendak minum di tengah jalan, kerana haus. Ini barangkali dia duduk di kedai kopi terpaksa minum mungkin 50 sen tak cukup, mungkin sampai \$1. Jadi elaun basikal ini mestilah diberi sungguhpun basikal diberi percuma oleh pejabat, tetapi ini juga mesti ditimbang adakah elaun basikal dibayar. Jika ada pun masa dahulu semasa Undang-undang ini dibuat, barangkali 30 tahun dahulu semasa zaman penjajah elaun basikal ini pun tak sesuai lagi, maka mesti dipertimbangkan elaun basikal itu dinaikkan lagi.

Elaun motosikal pun mesti dipertimbangkan. Sungguhpun ada motosikal dan sebagainya, tetapi apabila dia menjalankan motosikal itu, Tuan Yang di-Pertua, keadaannya merbahaya juga kerana hujan ribut dan sebagainya, maka mereka juga berkehendakkan elaun seperti yang saya katakan tadi.

Ketiga, nyawa dia bahaya naik motosikal itu. Kalau seorang posmen meninggal dunia oleh kerana dilanggar motokar umpamanya tentulah dia dapat pampasan atau saguhati daripada Kerajaan. Itu tak cukup, saya minta jika boleh Kementerian yang bertanggungjawab mengadakan insurans nyawa kepada tiap-tiap seorang posmen oleh kerana naik motosikal itu merbahaya betul. Maka dalam tugas ini insurans patut disediakan oleh Kerajaan supaya syarikat insurans dapat membayar saguhati atas kemalangan nyawanya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana Rang Undang-undang ini dibuat oleh kita kerana hendak mempertahankan perkara yang elok belaka, maka saya dengan ini menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.48 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang dibentangkan di hadapan kita iaitu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos, 1947.

Sebelum daripada saya membahaskan Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan pindaan-pindaan yang dibawa dalam Dewan yang mulia ini beberapa undang-undang sebelum daripada ini dan sampai kepada yang kita bahaskan sekarang.

Undang-undang yang dibahaskan hari ini iaitulah Akta Pejabat Pos 1947 yang dibuat semasa belum negara kita ini mencapai kemerdekaan, 10 tahun sebelum daripada merdeka. Negara kita merdeka tahun 1957 Undang-undang ini dibuat tahun 1947. Maka betullah segala undang-undang yang dibuat pada masa itu mestilah menggunakan teksnya dalam bahasa Inggeris, tetapi selepas negara kita merdeka ini masih lagi kita menggunakan teks bahasa Inggeris, ini adalah satu perkara yang juga anih kerana sebagaimana yang telah dicatitkan dalam Perlembagaan

kita selepas 10 tahun merdeka mestilah, bahasanya menggunakan Bahasa Kebangsaan. Maka sekarang ini Undang-undang ini sudah berumur 32 tahun iaitulah 22 tahun selepas merdeka. Apakala pindaan ini hendak dibuat maka pindaan itu dibuat dalam Bahasa Kebangsaan tetapi ayat-ayat yang digunakan itu ialah dalam bahasa Inggeris kerana hendak menyesuaikan dengan Undang-undang asal. Apa salahnya undang-undang yang dibuat sebelum merdeka dahulu kalau hendak dipinda begitu banyak misalnya, dibatalkan sahaja undang-undang itu dan dibuat yang baharu dalam Bahasa Kebangsaan, kemudian tambahlah seberapa yang kita hendak tambah, pindalah seberapa yang hendak dipinda di dalamnya itu sebagai akta baharu boleh menyenangkan kita. Tidaklah sebagaimana sekarang ini, kita bawa Akta ini dalam Bahasa Kebangsaan, kemudian benda yang hendak dipinda itu dibuat dalam bahasa Inggeris, kita pun bercakaplah dengan bahasa kebangsaan apakala sampai kepada ayat pindaan itu kita pun bercakap pula dalam bahasa Inggeris, misalnya:

“14A. (1) Whenever the Minister is satisfied”

begitu begini, main dengar sahaja, jadi apa macam ini, kepada saya tidak kenalah (*Ketawa*). Apalah salahnya Akta yang asal itu dijadikan Bahasa Kebangsaan kemudian masukkan pindaan-pindaan ini ke dalamnya, begitulah juga dengan akta-akta yang lain. Kita ini jadi kecoh sebab separuh menggunakan Bahasa Kebangsaan, separuh bahasa Inggeris. Bukan sahaja saya kata Akta ini begitu juga akta-akta yang lain sudah menjadi kebiasaan. Saya haraplah pihak Kementerian tolong tengok sedikit dengan seberapa boleh, sebab di dalam Jabatan Peguam Negara itu setahu saya mereka menggunakan Bahasa Kebangsaan yang moden sekali dan bijak boleh menterjemahkan dengan cukup betul menggunakan bahasa yang cukup tepat. Jadi tidak ada erti lagi kalau dibuat separuh dengan Bahasa Kebangsaan dan separuhnya dengan bahasa Inggeris.

Berbalik kita kepada Akta ini sebagaimana yang diterangkan oleh pihak Kementerian tadi seumpama hendak memberi kuasa kepada Menteri. Di dalam Fasal 3 memberi kuasa kepada Menteri boleh mengeneppikan keistimewaan Ketua Pengarah di dalam keadaan-keadaan yang menyentuh perkhidmatan pos, ini bagus sangatlah. Saya pun tidak suka sampai pada hari ini kuasa

Menteri itu tidak ada kerana selama yang kita alami Pejabat Pos ini kalau tidak salah saya, dua tiga kali mereka sudah mogok. Jadi, dalam masa pemogokan Pejabat Pos yang lepas-lepas itu kuasa Menteri macam mana saya tidak tahu, baharu hendak minta daripada Dewan ini supaya memberi kuasa kepada Menteri. Saya juga bersimpati kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi jangan tatkala menerima kuasa, Menteri pula menggunakan dengan sewenang-wenangnya. Dengan sebab itu, saya berharaplah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini apakala hendak menjalankan kuasa istimewa seumpama ini patutlah sebelum dijalankan itu dia dapat keputusan daripada Kabinet dahulu, biarlah menerusi keputusan Kabinet. Tidakkah boleh dijalankan kuatkuasa dia seorang sahaja kerana kuasa diberi oleh Undang-undang ini.

Apa yang menarik pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah di bawah Fasal 3 iaitulah Ketua Pos boleh menangkap tanpa waran. Jadi bagaimana yang diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tadi selama ini kalau kesalahan-kesalahan dilakukan di Pejabat Pos, maka ini adalah diminta bantuan daripada Pejabat Polis. Maka oleh kerana Pejabat Pos hendak berdiri di atas kakinya sendiri boleh menangkap dengan tanpa waran maka dibuatlah pindaan di bawah seksyen 90 ini iaitulah memberi kuasa kepada Pegawai Pos boleh menangkap orang-orangnya yang melakukan kesalahan itu tanpa waran. Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis menangkap orang sama ada dengan waran atau tanpa waran dia ada senjata, dia ada kelengkapan yang cukup. Jadi, kalau sekiranya pihak Ketua Pos hendak menangkap orang bawahnya, misalnya, orang dia melakukan kesalahan khianat di atas surat registered atau sebagainya kalau orang di bawahnya itu melawan macam mana, dia pakai "bejadal" sahaja kata orang Trengganu, tidak ada sesuatu. Tidakkah ini akan menjadi satu gelanggang boxing yang besar (*Ketawa*). Ataupun Ketua Pos itu dibekalkan dengan senjata pula seperti pistol dan pedang, saya pun tidak tahu (*Ketawa*). Jadi, perkara menangkap tanpa waran ini saya fikir ini perkara besar, lebih-lebih lagi sekarang ini zaman kita ini zaman kemajuan, sedangkan kaum-kaum wanita ini menuntut supaya mereka juga diberi hak yang sama. Kata mereka sekiranya di dalam pasukan polis ada wanita-

nya, pasukan askar ada wanitanya, kenapa dalam perkhidmatan pos ini tidak ada wanita. Saya fikir dengan desakan ini akan datang pihak pos juga akan menerima wanita-wanita menjadi postwoman pula bukan postman—postwoman. Apakala postwoman diterima—tetapi saya sendiri tidak menyokong—Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak menyokong, kalau diterima perempuan menjadi postwoman oleh Ketua Pengarah Pos kita dan postwoman ini melakukan kesalahan pula macam mana Ketua Pos hendak tangkap dia itu (*Ketawa*). Kalau dia tangkap sama-sama seorang datang pula Pegawai Pejabat Ugama tangkap kedua-dua mereka (*Ketawa*). Ini semua kena fikirkan. Jadi, dalam memberi kuasa kepada Ketua Pos boleh menangkap dengan tanpa waran ini cubalah fikirkan dengan halus sedikit yang pertama menjaga diri Ketua Pengarah Pos itu, yang kedua orang yang ditangkap itu bagaimana caranya. Saya fikir seksyen ini ada baiknya kalau berjalan sebagaimana sekarang iaitulah berkenaan dengan tangkap-menangkap ini serahkan sahaja kepada polis dan tidak usahlah Ketua Pos itu masuk campur.

Satu lagi berkenaan dengan Pejabat Pos. Saya tidak tahu di negeri lain, saya kata di negeri Trengganu negeri tempat saya. Memang banyak kekurangan. Maka untuk mendirikan Pejabat Pos yang banyak saya sedar ini memakan belanja yang besar tetapi apalah salahnya dibanyakkan wakil-wakil pos, itu maksud saya. Janganlah sampai sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi hendak membeli setem pun kena beratur, ini tidak patut. Perkara ini jangan amalkan di dalam negeri kita ini negeri yang aman dan makmur ini membeli setem pun kena beratur ini tidak patut. Maka perkara ini memang di tiap-tiap tempat kita tengok orang hendak membeli setem kena beratur. Apa sebabnya rakyat negeri ini kerana hendak beli setem terpaksa kena beratur. Dahulu masa negeri kita belum merdeka setem boleh dibeli di mana-mana kedai. Pejabat Pos memberi komisen kepada setiap kedai menjual setem, jadi dengan senang orang membeli setem di mana-mana pun, tetapi sekarang barangkali komisen itu telah ditarik balik dengan peraturan-peraturan Perbendaharaan barangkali tidak boleh diberi fasal apa tidak boleh diberi, kerana hendak menjaga kepentingan ramai patutlah setem itu dijual di kedai-kedai dan diberi komisen kepada kedai. Kalau kita pergi ke Indonesia kita dapati

merata-rata tempat orang jual setem, kenapa negeri kita ini susah sangat dan payah sangat hendak membeli setem, sudahlah Pejabat Pos itu jarang-jarang di antara satu sama lain.

Satu lagi yang saya hendak sebutkan ialah berkenaan dengan posmen-posmen, ada setengah-setengahnya ditukarkan dari setempat ke setempat. Yang sebenarnya posmen ini apabila dia bekerja di satu-satu kampung, di satu-satu lorong (street) dia susah hendak mengenali rumah-rumah pelanggan-pelanggan melainkan memakan masa bertahun-tahun baharulah dia kenal betul. Kadang-kadang satu tempat itu jalannya lain dan kampungnya lain, misalnya saya bawa di Kuala Trengganu kampung yang saya duduki. Nama jalannya Jalan Kota tetapi kampungnya Kampung Daik. Ada orang menghantar surat kepada saya dengan nama Kg. Daik dan ada setengah orang menghantar surat kepada saya dengan alamat Jalan Kota. Kalau posmen baharu tentulah dia pening; mana Jalan Kota, mana Kg. Daik. Jadi terpaksalah dia kena belajar dahulu. Apabila sudah bertahun-tahun baharulah dia alim di situ, tiba-tiba dia ditukarkan. Apabila dia sudah tukar datanglah posmen baharu, dia kena belajar a,b,c, jalan tadi, di mana Kampung Daik, di mana Jalan Kota dan sebagainya. Sebab itulah pertukaran posmen ini janganlah dijalankan dengan sewenang-wenangnya melainkan dengan keperluan yang amat sangat, perkara yang tidak dapat tidak baharulah ditukarkan dia. Kalau tidak eloklah dibiarkan begitu sahaja.

Satu lagi masalah berkenaan kenderaan posmen. Sekarang ini masa sudah berubah. Negara kita sudah pesat majunya. Macam di Kuala Lumpur ini kalau dibiarkan posmen-posmen naik basikal, saya fikir ini sudah ketinggalan zaman, tidak boleh lagi, kalau sekiranya posmen itu berkenderaan basikal dia sendiri terdesak dengan lalulintas yang begitu banyak. Jadi kenalah fikir, posmen macam mana yang patut menggunakan basikal. Janganlah dalam sebarang bandar, dalam bandar tidak sesuai dengan basikal mestilah dengan kenderaan sama ada motosikal ataupun motokar kecil apa salahnya diberi kepada posmen itu kerana kegunaan orang ramai. Saya tidak bersetuju bagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik supaya diberi elaun. Yang sebenarnya beri gaji sudah cukup. Gaji itu jika tidak cukup dinaikkan sampai dia cukup. Tak usah diberi elaun basikal, elaun moto-

sikal; elaun-elaun ini berserabut sahaja, nanti jabatan lain pun minta macam-macam elaun. Pemberian elaun ini tidak patut lagi saya fikir. Tetapi kalau gaji naikkan seberapa yang boleh untuk menyesuaikan dengan jawatannya.

Posmen-posmen yang menjalankan tugas itu sebagaimana yang kita dengar selalu dia ada sungutan kerana dia kecemasan umpamanya dia disalak oleh anjing, dikejar oleh beruk (*Ketawa*) macam-macam caranya. Jadi orang yang seperti ini patut diberi pampasan yang menasabah. Kalau di sebelah pantai barat ini barangkali tiada kera atau beruk itu tetapi di pantai timur banyak di rumah-rumah orang pun membela kera dan beruk. Boleh jadi dengan tidak disedari apabila posmen masuk ke rumah mereka beruk itu naik ke atasnya dan mencakar belakangnya. Orang seperti ini patutlah diberi pampasan bahkan ada di setengah-setengah negeri kalau sekiranya dikejar oleh ayam belanda itu pun patut diberi pampasan, angsa-angsa, ayam mengeram takdirnya, dia lalu dengan tidak disedari tiba-tiba dia dikejar oleh ayam mengeram ini misalnya (*Ketawa*). Itupun patut diberi pampasan.

Satu lagi yang berlaku di dunia barat, tetapi jarang berlaku di dunia sebelah kita di sini iaitu posmen-posmen itu sendiri mengambil peluang dalam masa dia menghantar surat dia boleh bercengkerama dengan orang-orang di situ banyak dara-dara dan gadis-gadis, dia berdansa dan sebagainya. Ini berlaku di dunia barat. Di negeri kita ini wallahualam, saya fikir tidak ada. Tetapi walau macam manapun patutlah pihak Pejabat Pos tolong ambil perhatian. Posmen ini memang orang yang amanah dan dia melakukan kewajipan dan tugasnya dengan hati yang benar-benar ikhlas dan dalam pada itu ada juga orang-orang yang tidak ikhlas. Maklumlah di antara yang banyak itu ada juga yang tidak betul.

Jadi, saya harap dalam pindaan Rang Undang-undang ini perkara-perkara yang saya sebutkan itu janganlah dilupakan, mudah-mudahan dapat dilaksanakan demi kepentingan bersama iaitu pihak yang menjalankan tugas posmen dan pihak yang menggaji serta rakyat jelata sekalian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rahmah.

6.05 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pejabat Pos ini dan saya ingin menyuarakan satu dua pandangan saya. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim mengatakan sudah hampir 30 tahun kita merdeka dan nampaknya Akta ini masih di dalam bahasa asing. Saya tidak faham bahasa Inggeris ini, jadi bagaimanakah kita di sini hendak mengetahui dengan dalamnya Akta-akta yang dibuat oleh Kerajaan jika tidak digunakan dengan bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya tidak faham berkenaan dengan pentadbiran Pejabat Pos ini; misalnya saya duduk di Kuala Lumpur, pejabat saya di Petaling Jaya. Surat daripada Petaling Jaya ke Kuala Lumpur mustahil dapat dalam masa seminggu. Kalau ada upacara apa sekalipun di Kuala Lumpur ini atau kalau upacara itu dilakukan di Petaling Jaya, kita di Kuala Lumpur ini hanya dapat surat-surat itu biasanya sesudah upacara itu baharulah diterima.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi oleh kerana adanya usaha Kerajaan untuk hendak meminda Akta ini dan sudahpun dipinda beberapa perkara, cubalah ambil perhatian, Pejabat Pos ini rasa saya tidak patut dibebankan dengan tugas-tugas yang lain seperti mengeluarkan lesen televisyen, mengambil pencen dan sebagainya di Pejabat Pos. Pada pendapat saya Pejabat Pos maknanya tempat menjual setem, mengendalikannya surat menyurat dan kalau sudah dibebankan dengan tugas-tugas lain seperti lesen televisyen, pencen dan lain-lainnya, kemudian nanti tikam empat ekor maka pada pendapat saya sebab itulah Pejabat Pos ini kerjanya tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya setem adalah satu cara komunikasi. Masyarakat seluruh dunia boleh mengenali negara kita melalui setem. Di negara ini banyak hari-hari yang kita sambut seperti Hari Kemerdekaan, Hari Pahlawan, Hari Kanak-kanak, Hari Guru, Hari Belia, Hari Wanita, Hari Muda-mudi selagi ada hari yang hendak disebutkan di Malaysia ini semuanya ada. Tetapi satu perkara yang saya tidak dapat lihat, jika kita boleh memberikan keistimewaan kepada United Nations Day misalnya, kenapa tidak hari istimewa itu misalnya Hari Wanita, Hari Belia dan berbagai-bagai hari

lagi kenapa kita tidak mengenalkan melalui setem. Saya tahu bahawa orang-orang luar daripada negeri ini suka membeli setem-setem untuk dijadikan kenang-kenangan dan satu cara saya rasa Pejabat Pos boleh memainkan peranan itu untuk mengenalkan negara kita kepada negara luar dengan mengadakan setem-setem istimewa supaya dapat mereka kenal dengan lebih senang lebih dekat lagi dan lebih berkesan.

Berkenaan dengan pengambilan pekerja-pekerja yang disebutkan oleh rakan saya tadi postmen atau postwomen, bagi saya tidaklah menjadi masalah jika sampai masanya sekiranya Menteri yang berkenaan hendak mengambil wanita untuk menjadi postwomen. Hanya satu sahaja yang saya hendak tegaskan iaitu soal pakaian. Anihnya nanti kita mengikut cara barat, kita suruh postwomen pakai skirt, naik basikal pergi ke kampung-kampung baharulah tidak betul. Bukan sahaja buruk, bukan sahaja anjing kejar bahkan orang juga akan mengejar (*Ketawa*). Sebelum perkara ini berlaku saya mengharap Kementerian yang berkenaan tolong ambil ingatan, kalau dibawa wanita menjadi postwomen Insya Allah kerja itu akan lebih licin dan tersusun.

6.10 ptg.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan untuk meminda Akta Pos, 1947 dalam mana mereka yang telah mengambil bahagian itu telah banyak mengeluarkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang berguna terhadap perkhidmatan pos pada keseluruhannya.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyatakan mengenai pindaan yang terkandung dalam Akta ini iaitu memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab atas perkhidmatan supaya menggunakan kuasa tersebut dengan penuh tanggungjawab dan tidak dengan secara yang sewenang-wenangnya. Begitu juga pandangan tersebut telah diekori oleh Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud.

Saya suka menyatakan dalam Dewan ini bahawa adalah menjadi tujuan Kementerian saya supaya kuasa ini akan digunakan apabila tidak ada jalan lain bagi mengatasi masalah yang berbangkit yang boleh membawa

kesusahan kepada pihak-pihak orang ramai. Walaupun saya dan Yang Berhormat Menteri adalah orang yang muda tetapi saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kami berdua adalah orang yang penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai juga tentang kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang akan menguatkuasakan kuasa-kuasa baru yang diberikan di bawah pindaan ini, saya suka juga menyatakan bahawa mereka akan diperhatikan supaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya tanpa menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk menganiayakan mana-mana kakitangan yang letaknya di bawah pegawai-pegawai tersebut. Perkara ini akan sentiasa diperhatikan oleh Kementerian saya supaya tidak timbul keadaan dalam mana-mana kakitangan ditekankan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pokok yang mana Rang Undang-undang ini dibentangkan di hadapan kita pada hari ini iaitu memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab di atas Jabatan Pos untuk mengeneipkan kuasa "exclusive" yang ada kepada Ketua Pengarah Pos Malaysia. Saya suka menyatakan bahawa keadaan perhubungan di antara Jabatan Pos ataupun di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di peringkat rendah khususnya posmen-posmen yang bertanggungjawab untuk menyampaikan surat-surat dan sebagainya adalah dalam keadaan yang baik.

Adalah benar bahawa tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah supaya menyediakan ataupun memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya jikalau berlaku keadaan-keadaan yang telahpun berlaku di dalam negara-negara barat khasnya bahawa kita di Malaysia akan dapat mengambil tindakan-tindakan bagi melindungi pihak orang ramai daripada ditimpa kesusahan akibat tindakan-tindakan mana-mana pihak. Adalah benar bahawa ibarat kata: "Menyediakan payung sebelum hujan" adalah menjadi tujuan utama kita bentangkan Rang Undang-undang ini dalam Dewan pada hari ini, tetapi saya suka menjelaskan bahawa keadaan perhubungan ataupun Industrial Relations dalam Jabatan Pos adalah dalam keadaan yang sangat baik dan bolehlah dikatakan kita belum lagi nampak awan-awan hujan di dalam negara kita ini di dalam perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyatakan mengenai pegawai-pegawai yang angkuh, yang kasar yang barangkali biadap terhadap pihak orang ramai terutama sekali mereka yang barangkali tidak begitu faham akan peraturan kerana mereka ini daripada kawasan-kawasan luar bandar. Pihak Jabatan Pos sentiasa menitikberatkan soal sikap kakitangannya dalam segi menjalankan tanggungjawab mereka kepada pihak orang ramai. Latihan-latihan tertentu ada diberikan kepada kakitangan pos dari masa ke semasa dan di dalam latihan-latihan tersebut telah dan akan ditekankan bukan sahaja daripada segi pengetahuan kerja-kerja mereka tetapi lebih penting ialah daripada segi sikap mereka terhadap pihak orang ramai. Oleh hal yang demikian, jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui maklumat-maklumat mengenai pegawai-pegawai ataupun kakitangan-kakitangan Jabatan Pos yang mempunyai sikap yang tidak sihat terhadap pihak orang ramai bolehlah melaporkan perkara ini kepada Ketua Pengarah Jabatan Pos dan tindakan sewajarnya telahpun dan akan terus diambil di atas kakitangan-kakitangan tersebut jikalau mereka didapati salah.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan mengenai surat register yang dikatakan hilang. Sebenarnya walaupun saya tidak dapat mengatakan perangkaan secara tepat mengenai laporan-laporan yang kita telah terima tentang surat-surat yang dikatakan hilang khasnya surat-surat register, tetapi saya ingin menyatakan bahawa bilangannya amatlah kecil. Dan dengan adanya pindaan di bawah Akta Pos, 1947 ini maka akan merupakan satu penghalang kepada mana-mana pihak terutama sekali kakitangan Jabatan Pos untuk melakukan sebarang kecurangan kerana denda-denda bersabit dengan kesalahan di bawah Akta ini telahpun dilipatgandakan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan mengenai baju yang mana dikatakan tidak sesuai dengan iklim negara kita. Yang sebenarnya baju yang digunakan oleh kakitangan Jabatan Pos iaitu posmen-posmen kita adalah jenis polyester yang mana jenis baju ini telahpun dirundingkan dengan posmen-posmen kita dan mereka telahpun memersetujui digunakan jenis pakaian ini. Dan setakat ini kita tidak dapat apa-apa rungutan daripada pihak posmen tentang baju yang mereka gunakan tiap-tiap hari.

Mengenai topi pula yang bucu lima umpamanya seakan-akan Bintang Tiga yang dikatakan, saya sedar barangkali topi ini tidak begitu menarik tetapi pada pandangan saya tidak terbayang bahawa topi tersebut adalah sama dengan topi Bintang Tiga. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan dirundingkan juga dengan pihak yang berkenaan.

Mengenai motosikal rosak yang agaknya lama hendak dibaiki saya suka menyatakan bahawa saya sendiri sedar di antara beberapa tempat terutama sekali di dalam kawasan luar bandar bila motosikal rosak surat pun tidak sampai dan kadangkala ada terdapat keadaan yang mana kerosakan itu agaknya lewat sedikit untuk diperbaiki oleh posmen-posmen ataupun pihak-pihak yang berkenaan. Saya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian kita telahpun meminta Jabatan Pos untuk menyediakan beberapa banyak kenderaan dari segi motosikal-motosikal ataupun basikal-basikal yang dapat digunakan oleh posmen-posmen dan jikalau dapat hendaklah diadakan reserve ataupun motosikal-motosikal yang boleh digunakan jikalau motosikal biasa rosak. Dan di samping itu juga kita sedang memikir sama ada boleh ataupun tidak diberi kuasa kepada pihak yang berkenaan dalam Jabatan Pos untuk menyewa kenderaan-kenderaan buat sementara sahaja tatkala motosikal-motosikal tersebut sedang dibaiki. Jadi, insya Allah perkara ini akan diambil tindakan oleh Kementerian saya.

Yang Berhormat itu juga telah menyatakan mengenai bayaran kepada wakil pos yang katanya tidak begitu adil. Saya suka menyatakan di sini bahawa kadar bayaran itu telahpun dipinda baru-baru ini dan adalah didapati bahawa kadar bayaran yang dikenakan ataupun diberi kepada wakil-wakil pos ini adalah sesuai memandangkan kepada bilangan surat-surat dan juga kerja-kerja yang dikendalikan oleh wakil-wakil pos di seluruh negara dan kadar bayaran ini akan dikaji semula daripada masa ke semasa supaya tidak membebankan pihak-pihak wakil pos.

Yang Berhormat tersebut telah menyatakan juga tentang perkhidmatan pos bergerak yang dikatakan tidak ikut jadual. Ini juga saya sedar. Dari masa ke semasa barangkali

akan berlaku kerosakan atas kenderaan-kenderaan yang digunakan bagi menjalankan perkhidmatan pos bergerak tetapi perkara ini akan diambil tindakan-tindakan tertentu oleh Jabatan Pos supaya kita dapat mengurangkan kejadian yang mana pos-pos kita tidak mengikut jadualnya.

Mengenai kad-kad Hari Raya yang dikatakan lucu, sebenarnya kita ada kuasa di bawah undang-undang pos untuk menahan surat-surat ataupun poskad yang menggunakan gambar-gambar lucu. Walau bagaimanapun, saya sedar ada juga di kalangan orang ramai kita yang suka menghantar kad-kad sebagai satu "joke" kepada kawan-kawan dan sahabat-sahabat dan sekiranya joke itu tidak begitu melanggar kesucilaan negara kita maka itu akan dibenarkan oleh Jabatan Pos.

Berkenaan dengan bayaran stem kad Hari Raya yang diminta dikurangkan daripada 10 sen ke 5 sen saya suka menyatakan bahawa kadar bayaran pos di dalam negara kita ini ialah paling rendah sekali di dalam dunia. Saya rasa perkara ini barangkali pada masa ini tidak dapat dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik telah menyatakan mengenai tanggagaji kepada posmen-posmen kita yang harapkan bahawa tanggagaji tersebut adalah mencukupi kepada posmen-posmen kita. Sukalah saya menyatakan bahawa tanggagaji ini adalah diselaraskan oleh pihak Kerajaan dengan jenis-jenis perkhidmatan yang lain yang terdapat di dalam perkhidmatan Kerajaan kita. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya sentiasa mengadakan perundingan dengan Persatuan-persatuan Posmen yang terdapat di dalam Jabatan Pos dan pada masa ini ada beberapa perkara yang sedang diperjuangkan bersama-sama dengan pihak yang berkenaan dan saya rasa bahawa masalah ini tidaklah merupakan satu masalah yang begitu rumit.

Ahli Yang Berhormat itu juga berharap bahawa insurans nyawa patut diberikan kepada posmen-posmen kita. Suka saya menyatakan bahawa posmen-posmen kita termasuklah dalam kategori ataupun jenis pekerjaan sama dengan jenis pekerjaan yang lain di dalam Kerajaan yang mana perlindungan-perindungan tertentu ada diberi dan pampasan juga diberi kepada mereka yang terlibat dalam apa-apa kemalangan semasa menjalankan tugas mereka.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim telah menegur tentang Rang Undang-undang kita yang masih lagi di dalam bahasa Inggeris yang mana telahpun disokong oleh Yang Berhormat Senator Rahmah Othman, saya sedar bahawa Akta Pos ini masih lagi di dalam bahasa Inggeris oleh kerana Akta ini telah dibuat pada tahun 1947 dan pada masa ini masih terdapat banyak lagi Rang Undang-undang kita yang lama yang masih lagi dalam bahasa Inggeris dan belum lagi diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, pandangan tersebut akan diambil perhatian untuk tindakan oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan berkenaan dengan apa akan terjadi kalau mogok berlaku di dalam perkhidmatan pos. Saya ingin menjelaskan bahawa dengan adanya kuasa baru dalam Rang Undang-undang ini maka Jabatan Pos akan menyusun satu contingency plan ataupun

rancangan dalam masa kecemasan yang mana boleh kita gunakan apabila keadaan memerlukan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan mengenai dengan bagaimana seseorang pegawai pos itu dapat menangkap seseorang lain dalam Jabatan Pos kerana dia tidak mempunyai senjata sepertimana pihak Polis. Saya suka menyatakan bahawa dalam soal ini tidaklah perlu kita merasakan bimbang kerana tangkapan tanpa waran ini barangkali tidak akan menimbulkan banyak kesulitan ataupun bantahan daripada pegawai yang terlibat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah menyambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 16hb Julai, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.